

Pendidikan Khas untuk Individu-individu Yang Cemerlang



Panduan Maklumat untuk Sekolah Pendidikan Khas di Singapura



Dicetak pada April 2018

Hak cipta © 2018 Kementerian Pendidikan, Singapura

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula, diterbitkan atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan apa jua cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin secara bertulis terlebih dahulu daripada pemilik hak cipta.

Penerbitan Cawangan Pendidikan Khas, Bahagian Keperluan Pendidikan Khas

Kementerian Pendidikan



Ministry of Education
SINGAPORE

KANDUNGAN

MASALAH DERIA

Sekolah Canossian	4 - 7
Sekolah Lighthouse	8 - 11

KURANG UPAYA INTELEK YANG SEDERHANA (TERMASUK PELAJAR DENGAN GANGGUAN SPEKTRUM AUTISME)

Sekolah Chaoyang	12 - 15
Sekolah Senior Delta	16 - 19
Sekolah Katong	20 - 23
Sekolah Tanglin	24 - 27
Sekolah Grace Orchard	28 - 31
Sekolah Metta	32 - 35

KURANG UPAYA INTELEK YANG TINGGI (TERMASUK PELAJAR DENGAN GANGGUAN SPEKTRUM AUTISME)

Sekolah MINDS – Fernvale Gardens	36 - 39
Sekolah MINDS – Lee Kong Chian Gardens	40 - 43
Sekolah MINDS – Towner Gardens	44 - 47
Sekolah MINDS – Woodlands Gardens	48 - 51

GANGGUAN SPEKTRUM AUTISME

Sekolah Eden	52 - 55
Sekolah Pathlight	56 - 59
Sekolah Autisme St Andrew's	60 - 63

KURANG UPAYA PELBAGAI DAN GANGGUAN SPEKTRUM AUTISME

Sekolah AWWA	64 - 67
Pusat Rainbow - Sekolah Margaret Drive	68 - 71
Pusat Rainbow - Sekolah Yishun Park	72 - 75

KURANG UPAYA PELBAGAI

Sekolah Perikatan Palsi Serebrum Singapura	76 - 79
Jadual Sekolah Pendidikan Khas (SPED)	80 - 81
Pautan-pautan Berguna	82
Penghargaan	83

PENDAHULUAN



Ibu bapa memainkan peranan penting dalam memperkasa anak-anak mereka untuk merealisasikan impian mereka. Keberanian dan tekad anda untuk membantu anak-anak anda yang memerlukan pendidikan khas untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya amat kami hormati dan kagumi. Usaha anda layak menerima sokongan yang sepenuhnya. Dalam usaha anda melakukan yang terbaik untuk anak anda, kami berharap buku ini akan melengkapkan anda dengan pengetahuan dan pemahaman tentang 19 Sekolah Pendidikan Khas (SPED) yang dibiayai pemerintah.

Sekolah-sekolah SPED kami berhasrat untuk memberikan yang terbaik kepada setiap murid yang memasuki sekolah kami, melalui program pendidikan dan peruntukan bagi sokongan mereka. Setiap sekolah

berazam untuk memahami keupayaan unik dan keperluan setiap murid mereka, mengembangkan dan meraikan bakat dan kebolehan mereka serta membolehkan mereka berinteraksi dan bergaul dalam masyarakat. Apabila sekolah yang dipilih sesuai untuk anak tersebut, kami akan dapat melihat mereka mekar untuk menjadi individu yang berkeyakinan dan berdikari. Walaupun setiap sekolah mempunyai kekuatan yang berbeza-beza, semua sekolah kami berkongsi visi yang sama untuk memupuk pelajar-pelajar mereka, menghargai keunikan mereka, menjadi yang terbaik dan menjalani kehidupan yang berjaya.

Pelajar kami sentiasa diberi peluang untuk melahirkan perasaan dan mempamerkan kebolehan mereka di luar bilik darjah. Seiring dengan ini, sekolah kami menawarkan kegiatan kokurikulum dan program pembangunan bakat. Murid-murid berpeluang mengambil bahagian dalam pelbagai acara untuk memupuk minat dan kebolehan mereka.


Dalam mempersiapkan setiap pelajar untuk berinteraksi dan bergaul dengan sebaiknya dalam masyarakat, Sekolah SPED sentiasa mencari peluang kerjasama yang bermakna dengan organisasi. Menerusi kegiatan dan acara bersama, pelajar kami berpeluang membina persahabatan dengan pelajar-pelajar dari sekolah aliran utama dan rakan kerja sama masyarakat. Selain kerjasama dengan sekolah-sekolah, pelajar-pelajar yang boleh bekerja juga dipersiapkan untuk dunia pekerjaan. Pelbagai syarikat mendapatkan khidmat pelajar kami melalui latihan industri dan bekerja sambil belajar serta mempersiapkan mereka dengan kemahiran dan sikap untuk memenuhi standard kerja yang diperlukan. Kami akur bahawa pelajar kami akan akhirnya keluar dari tembok sekolah yang melindungi mereka. Dengan itu, Sekolah SPED berazam untuk memupuk kemahiran dalam setiap pelajar yang membolehkan mereka menjalani kehidupan.

Cabarannya untuk membesarkan anak yang memerlukan pendidikan khas mungkin banyak. Namun, begitu juga dengan peluang-peluang untuk meneroka bakat, minat dan apa juar perkara yang mendaratkan keseronokan dalam kehidupannya. Oleh sebab itu, Sekolah-sekolah SPED bekerjasama untuk terus memajukan setiap Sekolah SPED agar berinovatif dan menjadi sekolah yang bermutu, dan, setiap pelajar membesar aktif dan dihargai oleh masyarakat.

Mrs Lucy Toh

Pengarah Bahagian, Bahagian Keperluan Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan

SEKOLAH-SEKOLAH SPED





Sekolah Canossian

PROGRAM INKLUSIF

Sekolah Canossian (CS) telah menjalankan hubungan kerjasama yang erat dengan Sekolah Rendah Canossa Convent dan Sekolah Rendah MacPherson untuk menggalakkan integrasi dan penyerapan pelajar-pelajarnya melalui pengalaman persekolahan aliran utama.

Pelajar-pelajar dari kedua-dua sekolah telah bergaul dengan baik dan telah mewujudkan peluang yang berikut:

- Integrasi Sosial antara pelajar aliran utama dengan yang berkeperluan pendidikan khas. Terdapat banyak kisah menyentuh hati tentang pelajar menjadi teman baik.
- Pelajar-pelajar yang mengalami kehilangan pendengaran diserap ke dalam persekitaran pendengaran yang kaya dengan bahasa. Ini menyokong perkembangan bahasa bagi kedua-dua pelajar aliran utama dan pelajar berkeperluan pendidikan khas apabila mereka belajar untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan lebih baik dengan rakan sebaya dari pelbagai persekitaran.



Pelajar dari Sekolah Rendah Canossa Convent sedang belajar bersama pelajar dari CS



Pelajaran PAL - mereka Rangooli

- Pelajar-pelajar dari sekolah aliran utama dapat meningkatkan kesedaran dan kepekaan mereka terhadap pelajar berkeperluan pendidikan khas dan membina sikap empati.

KEBANGGAAN CANOSSIAN: KEGIATAN KOKURIKULUM

Antara semua kegiatan kokurikulum, keistimewaan sekolah ini adalah dalam Pancaragam Genderang CS dan Koir CS.

Pancaragam Genderang CS

Dengan harapan untuk mendedahkan pelajar kepada alat muzik dan muzik, Pancaragam Genderang CS dibentuk. Dimulakan pada tahun 1989, pancaragam ini telah mewakili sekolah untuk persembahan tempatan dan luar negara. Walaupun tidak mempunyai pengetahuan awal dalam anotasi muzik, pelajar akhirnya berjaya membina kemahiran teknikal dengan bantuan instruktor yang berdedikasi. Pengetahuan mereka tentang rentak dan irama dan keupayaan menghiburkan penonton kekal merupakan detik-detik yang paling membanggakan.

Pancaragam ini juga telah membuat persembahan di Hari Majlis Perkhidmatan Masyarakat Kebangsaan (NCSS) semasa persembahan waktu makan siang di Istana untuk Presiden Halimah Yacob dan ESM Goh Chok Tong. Di samping itu, mereka juga telah membuat persembahan di Festival Genderang Malaysia.

Koir CS

Sejak 2012, Koir CS telah dibentuk untuk meningkatkan kesedaran bahawa kanak-kanak yang hilang pendengaran boleh menyanyi dan menikmati muzik. Melalui latihan yang kerap, pelajar-pelajar ini dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan membina kesedaran tentang nada suara dan pada masa yang sama mengenal pasti kekuatan vokal mereka sendiri. Kebolehan linguistik dan kemahiran daya ingatan mereka diperkuuh apabila mereka belajar menghafal lirik lagu. Apabila pelajar ini menyanyi bersama-sama, kemahiran bekerjasama mereka juga berkembang dan mereka berasa saling terhubung secara sosial antara satu sama lain dan pada lingkungan-lingkungan lain dalam kehidupan mereka.



Persembahan Koir CS di Majlis Makan Malam Penghargaan Majikan SG Enable

SOKONGAN AUDIOLOGI DI KAMPUS



Pakar Audiologi memberikan keterangan kepada pelajar tentang penjagaan alat pendengaran mereka.



Teknisyen audiologi sedang membuat acuan telinga di makmal audio di lokasi.

Sebagai satu-satunya sekolah di Singapura untuk pelajar kehilangan pendengaran yang menggunakan kaedah lisan untuk berkomunikasi, CS berasa bangga terhadap usaha mereka untuk membangunkan para pelajar mereka agar dapat menyumbang dalam masyarakat sama seperti rakan sebaya mereka yang boleh mendengar.

Jabatan Audiologi sekolah berfungsi sebagai klinik bagi semua masalah yang berkaitan dengan pendengaran:

- Pemeriksaan pendengaran (dengan dan tanpa bantuan)
- Ujian persepsi ucapan
- Alat pendengaran - pemasangan dan penyesuaian
- Pemetaan Implan koklea
- Penyelesaian masalah atas
- Kaunseling dan cadangan profesional
- Membuat dan mengubah suai acuan telinga
- Penjualan alat ganti, aksesori dan bahan guna habis (consumable) untuk alat pendengaran
- Penyediaan sistem FM di sekolah

Jabatan ini memenuhi keperluan pelajar dan memastikan mereka dapat mendengar pada setiap masa. Dengan mempunyai makmal mereka sendiri, penciptaan dan pengubahsuaian acuan telinga mudah diuruskan. Dikendalikan oleh pakar-pakar audiologi berpengalaman dan seorang teknisyen audiologi, pasukan ini memastikan bahawa CS berkemampuan memenuhi keperluan pendengaran khusus semua pelajar yang mengalami kehilangan pendengaran.



Sekolah Canossian

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Lam En Qing

Lam En Qing didapati mengalami kehilangan pendengaran dua hala yang teruk pada usia lapan bulan. Pada usia dua tahun empat bulan, dia telah pun mendapatkan implan koklea dan juga didapati mengalami perkembangan global lambat dan hipotonia. Dia mengalami kesukaran berjalan dan duduk tanpa disokong dan tidak banyak bercakap pada peringkat awal.

Bagaimanapun, dengan bantuan guru-guru CS yang penyayang, dia berusaha keras, terus tabah dan menunjukkan kemajuan dalam pembelajarannya. Dalam bidang keupayaan linguistik, En Qing bertutur dengan lancar dan melahirkan perasaannya dengan baik. Semasa di CS, dia sangat berinisiatif dan selalu bersedia membantu guru dan rakan-rakannya. Setiap pagi, dia sering membaca dengan pelajar-pelajar dari program membaca di sekolah.



Dia merupakan ahli Pancaragam Genderang CS dan menyertai persembahan secara aktif di peringkat tempatan dan antarabangsa serta menjadi pengacara untuk beberapa persembahan sekolah. Sebagai seorang alumni, dia menjadi inspirasi kepada ahli yang lebih muda dan kembali ke sekolah untuk membantu ahli pancaragam yang lebih muda bermain alat gendangan.

En Qing telah menerima Anugerah Kemajuan Baik Canossian dan menjadi pelajar terbaik dalam peringkatnya untuk Bahasa Inggeris pada tahun 2010 dan 2013. Pada tahun 2011, dia menduduki tempat teratas untuk peringkatnya bagi Matematik. Pada tahun 2013, dia dianugerahi Biasiswa Canossian dan Anugerah Canossian Tahunan yang pertama. Pada tahun 2014, En Qing ialah pelajar terbaik dalam kelas tahun akhir. Walaupun selepas tamat pengajian di CS, En Qing terus cemerlang. Dia menamatkan Peringkat 'O' di Sekolah Menengah Beatty pada tahun 2017 dan akan memulakan pengajian diplomanya dalam Teknologi Maklumat di Politeknik Nanyang.

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah Canossian
Laman Web Sekolah	canossian.edu.sg
Alamat	1 Sallim Road Singapura 387621
Stesen MRT Terdekat	Stesen Mattar (DT25)
Perkhidmatan Bas Berdekatan	Di luar sekolah: 64 & 100 Melintas jalan dari sekolah: 40, 62, 64, 100, 135, 155, 158

Misi	Untuk memupuk dan memperkasa pelajar Canossian menerusi Pembentukan Hati, menjadi orang yang berintegriti, komited kepada Tuhan dan berkhidmat kepada orang lain dengan harapan dan kegembiraan.
Visi	Sebuah Pusat Kecemerlangan untuk pendidikan kanak-kanak kehilangan pendengaran
Nilai-nilai	Nilai-nilai teras yang membimbing proses pendidikan di Sekolah Canossian berdasarkan nilai-nilai Canossian, iaitu Komitmen, Keihsanan dan Keceriaan .
Moto	VIA, VERITAS, VITA (Laluan, Kebenaran, Kehidupan) Moto kami mengambil inspirasi daripada Jesus Christ. Kami melihat beliau sebagai suri teladan dan cuba mengikuti jejak langkahnya.
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<ul style="list-style-type: none"> • Pancaragam Genderang • Koir • Kelab Seni • Kelab Alam Sekitar
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Program Pendidikan Inklusif membangunkan pelajar dalam kecekapan komunikasi dan bahasa, membolehkan mereka meluangkan masa di sekolah-rakan CS. • Kurikulum Nasional membolehkan pelajar meluangkan sebahagian daripada hari persekolahan mereka di sekolah rakan CS yang menawarkan aliran utama. • Program Pembangunan Perwatakan memberi penekanan kepada pembentukan perwatakan berdasarkan nilai-nilai Canossian dan memupuk kemahiran sosial, emosi dan hidup yang berkesan. • Program Bimbingan Ibu Bapa melengkapkan ibu bapa dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menyokong anak mereka dalam menyediakan persekitaran pembelajaran bahasa yang kaya di rumah dan cekap mengendalikan alat pendengaran.



Sekolah Lighthouse

BERSAMA KITA BERUSAHA KE ARAH PENCAPIAAN DAN KEJAYAAN

Di Sekolah Lighthouse (LHS), para pelajar bermain, belajar dan membesar bersama-sama secara holistik. Sekolah Lighthouse (LHS) telah berkembang maju sejak penubuhannya sebagai Sekolah untuk Orang Buta Singapura pada tahun 50-an. Sejak tahun 2007, LHS dikenali kerana berkhidmat untuk dua kumpulan pelajar yang mengalami masalah deria. Pelajar-pelajar ini yang mengalami masalah Kurang Penglihatan (VI) dan Kehilangan Pendengaran (HL) disokong dan diasuh dengan baik oleh guru-guru yang bersemangat dan mahir dalam melakar pelajaran untuk para pelajar. Ini dapat dilihat daripada cara mereka mewujudkan persekitaran pembelajaran yang merangsangkan di LHS.

Kurikulum Nasional

Di LHS, pelajar VI yang dapat mengikuti Kurikulum Nasional akan mengambil Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE).

Sokongan Pembelajaran untuk Pelajar HL dan VI

Pelajar yang mempunyai tahap penglihatan yang rendah disediakan dengan alat bantuan khas seperti skrin pemberian bagi komputer dan kanta pembesar genggam. Pelajar yang buta sepenuhnya akan menerima arahan khas dalam braille dengan menggunakan peralatan khas seperti Perkins Brailler, Braille Notetaker, perisian Skrin Reader, Crammer Abacus dan kalkulator Saintifik yang mempunyai fungsi audio.

Bagi pelajar yang mengalami kehilangan pendengaran, bentuk arahan ialah dalam Bahasa Isyarat Singapura, yang diterima pakai dalam hubungan sosial dan digunakan dalam kalangan masyarakat bahasa isyarat di Singapura. Pelajar HL dilibatkan dalam pelajaran interaktif melalui penggunaan papan SMART dan iPad.



Bertugas menggunakan Perkins Brailler



"Impian Menjadi Kenyataan"



Menyanyi dengan menggunakan bahasa isyarat

Program Pendidikan Khas

LHS memenuhi keperluan unik dan berbilang aspek setiap pelajar yang mengalami masalah penglihatan atau kehilangan pendengaran melalui Rancangan Pendidikan Individu (IEP) dan kurikulum yang disesuaikan. Pelajar diajar dan dilatih dalam komunikasi, celik angka, literasi, Kemahiran Hidup Harian serta pergerakan dan haluan.



Seni Visual: Kreativiti dengan magnet

PENDIDIKAN DI LUAR BILIK DARJAH



LHS kekal bertenaga dengan pelbagai kegiatan sekolah.

Contohnya, pelajar meraih pandangan yang mendalam tentang Singapura dengan menyertai jejak warisan. Pelajar-pelajar memberikan tumpuan dan mempamerkan sikap belajar yang positif dalam sesi ini.



Kegiatan pengayaan

FAKTA MENARIK

Unit Pengeluaran Braille LHS:

LHS berbangga mengendalikan Unit Pengeluaran Braille (BPU) mereka sendiri di sekolah yang mempunyai pakar braille berdedikasi untuk menghasilkan transkrip teks yang berkualiti ke dalam salinan braille.

Makmal Bunyi Berbilang Deria:

LHS menggalakkan penggunaan Makmal Bunyi Berbilang Deria bagi tujuan pendidikan dan terapi. Pelajar-pelajar mengalami simulasi berjalan dengan merasakan getaran pada papan lantai yang dibina khas. Makmal Bunyi Berbilang Deria ini boleh digunakan untuk latihan pendengaran, terapi pertuturan, muzik dan pergerakan. Ringkasnya, konsep bunyi dan cahaya boleh dilakukan menerusi bilik khas ini untuk para pelajar.

Koir LHS

Koir LHS telah menjadi sebahagian daripada Simfoni Ungu sejak dilancarkan pada 31 Julai 2015 di Dewan Persidangan Singapura sebagai sebahagian daripada sambutan SG50. Simfoni Ungu merupakan orkestra inklusif Singapura pertama yang terdiri daripada anggota-anggota yang mempunyai keperluan khas dan juga mereka yang tidak mempunyai keperluan khas.



Simfoni Ungu



Sekolah Lighthouse

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG




Dr. Yeo Sze Ling

Dr. Yeo Sze Ling, Saintis Penyelidik di Institut Penyelidikan Infocomm telah mendaftar di Sekolah Lighthouse (yang dahulunya dikenali sebagai Sekolah Cacat Penglihatan Singapura) pada tahun 1984 selepas didiagnosis menghidap Glaucoma. Beliau belajar pelbagai mata pelajaran dengan bantuan Braille dan lulus pada tahun 1990. Dia mengingati cara guru-gurunya membimbingnya untuk menyelesaikan soalan matematik yang mencabar melalui kaedah inovatif. Dr. Yeo sedar bahawa masalah kurang penglihatannya bukan penghalang dan terus mendalam minatnya dalam bidang matematik. Dia mengakui bahawa perjalanan pendidikannya merupakan sesuatu yang mencabar tetapi dia berpendapat bahawa berada di sekolah pendidikan khas memainkan peranan yang penting

dalam melengkapannya dengan asas-asas yang diperlukan untuk integrasi yang lebih baik ke dalam institusi pendidikan aliran utama dan juga masyarakat.

Nilai-nilai sekolah, iShine telah membentuk identiti saya pada hari ini

– Nurul, 18, Pelajar Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim,
Kelas VI tahun 2012



Perkara yang paling saya suka tentang sekolah ini ialah guru-gurunya yang bersemangat dan berdedikasi yang tidak pernah berputus asa mengajar kami walaupun bagaimana sukar sekalipun.

– Nuraziana Mohamed Said, 33,
Eksekutif Pengurusan di Kementerian Kebudayaan,
Masyarakat dan Belia, Kelas VI tahun 1996.



LHS merupakan tempat saya menjalin hubungan, berkawan baik dan mempelajari banyak perkara baharu.

– Chun Hong, 15,
Pelajar Sekolah Menengah Beatty,
Kelas HL tahun 2017.

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah Lighthouse
Laman Web Sekolah	lighthouse.edu.sg
Alamat	51, Toa Payoh Rise Singapura 298106
Stesen MRT Terdekat	Stesen MRT Caldecott
Perkhidmatan Bas Berdekatan	141, 235
Misi	Untuk menyediakan para pelajar berkeperluan khas dengan kurikulum yang holistik yang membolehkan mereka meraih kemahiran dan membina nilai-nilai yang akan untuk memperoleh kejayaan akademik setinggi mungkin, vokasional dan kejayaan peribadi apabila dewasa.
Visi	<u>Pusat Kecemerlangan Untuk Pelajar yang Mengalami Masalah Deria</u> Untuk membina Sekolah Lighthouse antara yang terbaik di rantau ini di mana murid-murid akan meninggalkan sekolah bersedia untuk menyambung pendidikan mereka selepas sekolah rendah dilengkapi dengan keyakinan dan kemampuan untuk menghadapi cabaran masa hadapan dalam meniti masa dewasa mereka.
Nilai-nilai	iShine Ikhlas Rendah diri Integriti Tidak berputus asa Empati
Moto	Bersama-sama Kita Tabah untuk Mencapai Kejayaan
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar dengan Kurang Daya Penglihatan yang dapat mengikuti <u>Kurikulum Nasional</u> akan menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE). • Pelajar Kurang Daya Penglihatan dan/atau Kehilangan Pendengaran yang tidak dapat mengikuti Kurikulum Nasional akan ditawarkan <u>Program Pendidikan Khas</u>.



Sekolah Chaoyang

STRATEGI UNTUK MELIBATKAN PELAJAR

Guru-guru di Sekolah Chaoyang (CYS) menggunakan strategi yang berbeza-beza untuk memupuk minat dan kemahiran pelajar dalam kedua-dua bidang literasi dan celik angka.

Guru-guru akur bahawa pelajar dapat belajar dengan lebih baik dengan bekerjasama antara satu sama lain. Mereka menggunakan Buku Besar yang mempunyai ilustrasi untuk perbincangan di dalam bilik darjah bagi membina keyakinan dalam diri setiap pelajar. Selain itu, pelajar dari program sekolah rendah bawah juga diajar kaedah fonik menerusi program Penggunaan Bacaan. Membina asas-asas yang kukuh semasa tahun-tahun sekolah rendah bawah, guru beralih ke tema dan isu-isu yang dekat dengan hati pelajar di dalam program sekolah rendah atas. Pelajar juga diberikan peluang pembelajaran pengayaan seperti ucapan dan drama.

Para guru celik angka dan sains juga berusaha untuk mempertingkat pembelajaran kemahiran nombor dan penerokaan saintifik menerusi pendekatan berbilang deria. Guru menyediakan program menyeluruh yang membantu pelajar mencapai asas yang baik dalam pengiraan, belanjawan, penjadualan serta pengukuran. Empat komponen utama ini boleh dilaksanakan dengan mudah dalam kerjaya pada masa hadapan.

Sukatan Sains membolehkan pelajar memahami alam sekitar dan memupuk rasa ingin tahu. Pembelajaran berasaskan inkuiri telah dijadikan sebagai pedagogi mengajar yang utama bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang akan menguji dan menggalakkan pelajar mengembangkan sifat ingin tahu mereka tentang dunia di sekeliling mereka.

Secara keseluruhannya, azam setiap pasukan pengajar adalah agar setiap pelajar berdikari dan diperkaya dengan rasa kagum akan dunia di sekeliling mereka.



MEMBINA KEYAKINAN DAN EKSPRESI DIRI

Kebanyakan kanak-kanak gemar akan pendidikan jasmani, pelajaran seni lukis dan kegiatan kokurikular. Sekolah ini mengambil kesempatan daripada pelajaran ini untuk membina kemahiran kritis dan perwatakan dalam kehidupan para pelajar. CYS memastikan bahawa setiap kelas PE dan Seni Lukis, atau setiap sesi Kegiatan Kokurikulum (CCA) adalah masa yang bermanfaat, dan pelajar belajar sambil berseronok.



Belajar ekspresi diri melalui drama

Khususnya, pelajaran estetika diselitkan ke dalam kurikulum sekolah sebagai satu cara untuk membangun dan meningkatkan ekspresi diri, konsentrasi, kemahiran motor dan menyalurkan tenaga pelajar secara produktif. Di samping itu, kemahiran yang dipelajari dan pengalaman yang diperolehi, telah membantu meningkatkan kebolehan pelajar untuk berkomunikasi, bersosial dan menghargai dunia di sekeliling mereka.



Pasukan bola sepak

Koir Chaoyang sedang beraksi



Fisioterapi menyeronokkan

KAKITANGAN PROFESIONAL BERSEKUTU

Jabatan Profesional Bersekutu (AP) di CYS terdiri daripada pakar psikologi, pekerja sosial serta ahli terapi cara kerja, pertuturan dan bahasa. Selain menyediakan intervensi individu kepada pelajar dan keluarga yang dikenalpasti, Jabatan AP telah mengintegrasikan program terapi mereka ke dalam kurikulum sekolah untuk mengukuhkan lagi matlamat pembelajaran para pelajar.



Terapi dengan bermain



Sekolah Chaoyang

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Tee Xiao Ying

Semasa di prasekolah, Tee Xiao Ying dianggap sebagai pelajar yang berlainan daripada rakan sekelasnya. Dia menghadapi kesukaran untuk menyampaikan pandangan dan melahirkan perasaannya semasa pelajaran, hanya boleh membaca huru-huruf dalam abjad dan tulisannya kadang kala bercampur aduk. Ibu bapa dan guru tadika Xiao Ying menyedari bahawa perkembangannya jauh ketinggalan di belakang rakan sebayanya dan mendaftarkannya ke CYS.

Setelah menjalani pendidikan di CYS selama enam tahun, Xiao Ying menjadi lebih matang dan menjadi suri teladan kepada semua pelajar di sekolahnya. Tahun ini, dia menjadi Naib Ketua Pengawas sekolah dan tekun memimpin Pasukan Pengawas untuk membantu pelajar dan guru dalam pelbagai kegiatan dan program sekolah.

Dia juga merupakan sebahagian Kumpulan Koir sekolah yang berbakat, Merry Melodies, yang kerap melakukan persembahan dalam acara-acara awam yang penting seperti Sukan Para ASEAN 2015 dan Persidangan SPED 2016.

Xiao Ying ialah seorang pelajar serba boleh yang berjaya. Beliau telah menerima Anugerah Bakat, Pencapaian dan Pengiktirafan Pelajar (STAR) yang mengiktiraf pencapaian pelajar dalam bidang bukan akademik.

Sebagai pengiktirafan bagi kebolehan dan pencapaian cemerlangnya, Xiao Ying telah dianugerahi Anugerah Pelajar Contoh Lee Kuan Yew yang sulung pada tahun 2017. Anugerah yang berprestij ini merumuskan kemajuan hebat Xiao Ying.



Xiao Ying membimbing rakan-rakan sebayanya

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah Chaoyang
Laman Web Sekolah	apsn.org.sg/schools/chaoyang-school
Alamat	10, Ang Mo Kio Street 54, Singapura 569184 Tel : 64566922
Stesen MRT Terdekat	Stesen Ang Mo Kio
Perkhidmatan Bas Berdekatan	Menaiki Bas: A: Ambil bas nombor 265 dari Hab AMK / Pusat Pertukaran Bas AMK dan turun di Blok 549. Sekolah Chaoyang terletak sejauh 2 minit berjalan kaki. B: Ambil bas 72, 88 atau 159 sepanjang Ang Mo Kio Ave 5, dan turun di Blok 540, bertentangan dengan ITE Kolej Central. Ikut laluan pejalan kaki berbumbung untuk sampai ke Sekolah Chaoyang. C: Ambil bas 45, 54, 88 atau 265 sepanjang Ang Mo Kio Ave 10, dan turun di Blok 555. Berjalan kira-kira 5 minit untuk sampai ke Sekolah Chaoyang. D: Ambil bas 25, 55, 73, 74, 74e, 76, 132, 165 atau 268 sepanjang Ang Mo Kio Ave 3, dan turun di Blok 564. Jalan kaki kira-kira 5 minit untuk sampai ke Sekolah Chaoyang

Misi	Memperkasa orang berkeperluan khas agar menjadi penyumbang aktif dalam masyarakat. Memberikan inspirasi dan membina keupayaan rakan kongsi dan masyarakat. Menerajui dan memberikan sokongan ke arah sebuah masyarakat yang inklusif.														
Visi	Kehidupan yang Diperkasa untuk Masyarakat yang Terlibat dan Inklusif														
Nilai-nilai	Komitmen, Integriti, Berdaya bingkas, Rasa Hormat														
Moto	Menjadi Yang Terbaik														
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<p>1) Kegiatan Kokurikulum Modular</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Seni Persembahan</th> <th>Seni Visual</th> <th>Perusahaan Sosial</th> <th>Sukan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> Ucapan & Drama Muzik & Pergerakan Harmonika Koir Gendang Tarian </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Hobi Kraf (Seni Lukis) Hobi Kraf (IT) Lukisan Batik Seni Visual </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Membuat Roti Kelab Hijau Perusahaan Sosial </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Badminton Bola sepak </td> </tr> </tbody> </table> <p>2) Pembangunan Bakat</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Seni Persembahan</th> <th>Seni Visual</th> <th>Sukan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> Koir Tarian </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Lukisan Batik Lukisan Cina </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Badminton Bola sepak </td> </tr> </tbody> </table>	Seni Persembahan	Seni Visual	Perusahaan Sosial	Sukan	<ul style="list-style-type: none"> Ucapan & Drama Muzik & Pergerakan Harmonika Koir Gendang Tarian 	<ul style="list-style-type: none"> Hobi Kraf (Seni Lukis) Hobi Kraf (IT) Lukisan Batik Seni Visual 	<ul style="list-style-type: none"> Membuat Roti Kelab Hijau Perusahaan Sosial 	<ul style="list-style-type: none"> Badminton Bola sepak 	Seni Persembahan	Seni Visual	Sukan	<ul style="list-style-type: none"> Koir Tarian 	<ul style="list-style-type: none"> Lukisan Batik Lukisan Cina 	<ul style="list-style-type: none"> Badminton Bola sepak
Seni Persembahan	Seni Visual	Perusahaan Sosial	Sukan												
<ul style="list-style-type: none"> Ucapan & Drama Muzik & Pergerakan Harmonika Koir Gendang Tarian 	<ul style="list-style-type: none"> Hobi Kraf (Seni Lukis) Hobi Kraf (IT) Lukisan Batik Seni Visual 	<ul style="list-style-type: none"> Membuat Roti Kelab Hijau Perusahaan Sosial 	<ul style="list-style-type: none"> Badminton Bola sepak 												
Seni Persembahan	Seni Visual	Sukan													
<ul style="list-style-type: none"> Koir Tarian 	<ul style="list-style-type: none"> Lukisan Batik Lukisan Cina 	<ul style="list-style-type: none"> Badminton Bola sepak 													
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> Kurikulum Berasaskan Modul dengan penekanan kepada Bertutur, Mendengar, Membaca, Menulis. STELLAR (Edisi SPED) (Strategi untuk Pembelajaran dan Pembacaan Bahasa Inggeris) dengan penekanan kepada pengalaman membaca dan pengalaman menulis bersama Program 'Hearty' menggalakkan gaya hidup sihat melalui senaman jasmani dan tabiat pemakanan yang sihat. Program Kepimpinan Pelajar membangunkan potensi kepimpinan pelajar secara berperingkat dalam peranan mereka yang pelbagai. Kerjasama Masyarakat antara sekolah dengan rumah memudahkan kolaborasi yang bermakna antara sekolah, rakan masyarakat dengan ibu bapa. 														



Sekolah Senior Delta

VISI KURIKULUM APSN DSS

Sekolah Senior Delta (DSS) menyediakan platform untuk para pelajar menjadi masyarakat yang bertanggungjawab secara sosial yang menyumbang kepada keluarga dan komuniti mereka. Terdapat pelbagai peluang dalam pelbagai bidang pembelajaran utama untuk pelajar mengaplikasikan dan memperkenalkan kebolehan, keupayaan dan bakat mereka.



PENDIDIKAN VOKASIONAL

DSS bangga kerana menyokong usaha vokasional para pelajar melalui kaedah-kaedah yang berikut:

Menentukan Kesesuaian Pekerjaan: proses pengumpulan maklumat berbilang disiplin dijalankan dengan semua pemohon DSS. Proses kemasukan terdiri daripada temu duga dengan calon pelajar dan keluarga mereka untuk lebih memahami kekuatan, minat, pilihan dan keperluan mereka serta sesi percubaan dalam empat bidang pekerjaan yang ditawarkan untuk menentukan tempat mereka dalam kursus pengajian yang sesuai.

Penilaian Tempat Kerja: Latihan dilakukan untuk semua tempat kerja yang menawarkan peluang latihan untuk pelajar bagi menentukan kesesuaianya sebagai tempat latihan. Contoh penilaian tempat kerja termasuk dasar-dasar dan amalan, sifat tugas pekerjaan, jangkaan majikan, kemungkinan untuk mereka semula pekerjaan bagi menampung keperluan, tahap yang boleh dicapai dan keselamatan pelajar.

BILIK RUNCIT @ DSS

Bilik Runcit @ DSS ditubuhkan dengan kerjasama UNIQLO, untuk memberikan peluang kepada para pelajar dalam program Pengurusan Runcit untuk membangun dan mengasah mereka dalam kemahiran organisasi dan operasi runcit. Dilancarkan pada Januari 2017, ruang ini juga digunakan oleh kakitangan untuk menjalankan aktiviti untuk semua pelajar dalam bidang pembelajaran utama yang lain seperti literasi dan celik angka.



Pelajar berlatih kemahiran mereka di Bilik Runcit

KELAS HIJAU @ DSS

Bilik darjah Hijau @ DSS ialah hasil kerjasama dengan NParks untuk memperkenalkan para pelajar dalam program Hortikultur kepada pengetahuan dan kemahiran dalam mereka bentuk, memasang dan menjaga kebun dalam rumah, salah satu trend yang muncul dalam industri landskap bersamaan dengan tubuh-tumbuhan hijau di bangunan-bangunan tinggi. Dilengkapi dengan tumbuh-tumbuhan dalam, dinding hijau, kebun sayuran menegak serta terarium dan permaidani hijau, Bilik Darjah Hijau ini menawarkan pelajar ruang kerja yang autentik untuk berlatih, mengaplikasikan dan mengukuhkan kemahiran mereka dalam landskap dalam.



Pelajar berlatih kemahiran mereka di dalam Bilik Darjah Hijau

MAJLIS JAMUAN PENGHARGAAN RAKAN KERJASAMA DAN PERKONGSIAN (PALS)

Majlis Jamuan Penghargaan Rakan Kerjasama dan Perkongsian (PALS) adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh sekolah ini di premisnya. Majlis ini diadakan untuk memberi penghormatan kepada rakan kerjasama - ibu bapa/penjaga, majikan dan agensi masyarakat – atas sokongan, usaha dan kepercayaan mereka dalam memperkasakan pelajar DSS untuk membesar sebagai belia mempunyai harga diri dan terdorong oleh keazaman. Dalam acara ini, para pelajar mempamerkan kemahiran dan bakat mereka dengan menyediakan hidangan dan juadah yang mewah untuk para tetamu, mendirikan reruai yang mempamerkan produk-produk yang dibuat semasa latihan vokasional dan sesi kurikulum mereka serta memberikan persembahan yang menghiburkan.



DARI DELTA DENGAN KASIH SAYANG

DSS memulakan tahun persekolahan dengan menyebarkan kemesraan dan kebaikan menerusi pelbagai platform untuk mendekati masyarakat. Pelajar, ibu bapa dan kakitangan menyediakan hampir barang runcit atau barang rumah yang telah disumbangkan oleh masyarakat dan menyerahkannya kepada warga tua yang tinggal di kawasan perumahan berdekatan sempena Sambutan Tahun Baru Cina tahunan.

Pelajar dari pelbagai program khas turut menyumbang kepada masyarakat dengan memanfaatkan kemahiran yang dipelajari di sekolah. Sebagai contoh, pelajar dari program Perkhidmatan Makanan menyediakan bufet makan tengah hari untuk pekerja binaan yang terlibat dalam kerja-kerja pemberian jalan di hadapan sekolah. Dalam satu acara yang lain, pelajar dari program Hortikultur membuat jambangan bunga untuk warga tua di kawasan kejiran. Di samping itu, pelajar dari Program Perkhidmatan Hotel dan Penginapan melakukan tugas pembersihan di beberapa rumah kediaman di kawasan kejiran.



Pelajar DSS berkumpul bersama selepas menghantarkan hamper kepada warga tua



Pelajar DSS dari Program Makanan & Minuman menghidangkan makanan yang telah disediakan oleh mereka untuk pekerja binaan



Pelajar DSS dari Program Perkhidmatan Hotel dan Penginapan membersihkan rumah seorang penduduk dengan bimbingan Jurulatihnya



Pelajar dari Program LEAD membuat cenderamata untuk Dihadiahkan sebagai Tanda Penghargaan kepada Pelawat dan Tetamu



Pelajar DSS dari Program Pengurusan Runcit ketika bersiar-siar bersama warga tua di Taman dekat Persisiran

Pelajar DSS dari Program Hortikultur membuat jambangan bunga untuk warga tua



Sekolah Senior Delta

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Suhairi Bin Suhani

Sebagai seorang pelajar di DSS, Suhairi telah menghadapi pelbagai cabaran termasuk kesukaran membaca dan mengaplikasikan kemahiran yang telah diajar. Dia bersikap tabah dan mengatasi halangan-halangan ini dengan mencatat dan mengambil nota yang perlu diingat ke dalam buku notanya. Disiplin dan komitmen Suhairi untuk cemerlang dalam bidang akademik dan juga sukan membolehkannya mencapai banyak matlamat dan aspirasi peribadinya dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kini seorang atlet negara yang mewakili Singapura dalam pelbagai acara sukan, Suhairi telah dianugerahi bantuan Kecemerlangan Sukan (SPEX) oleh Institut Sukan Singapura pada 2017.



“Saya belajar dan memahami perkara dengan perlahan namun saya yakin dan bertekad. Ini merupakan kehidupan saya dan impian saya untuk memenangi pingat untuk Singapura.**”**

– SUHAIRI BIN SUHANI,
PELAJAR LEPASAN APSN DSS



Praventharan s/o Rajendran

Apabila Praven memulakan program latihan industri di sebuah hotel pada tahun ketiga di DSS, dia telah mengalami cabaran apabila berinteraksi dengan rakan sekerja dan juga dalam mengawal emosinya. Lama kelamaan, dia menunjukkan daya bingkas dan mempelajari strategi untuk menangani isu-isu tersebut. Dia belajar mengawal diri, meminta bantuan daripada rakan sekerja dan mendapatkan penjelasan apabila berasa ragu. Praven kini bekerja sebagai atendant bilik dan tempat awam di Siloso Beach Resort. Dia masih bergiat dalam hoki lantai, sukan yang diceburinya semasa dia seorang pelajar, melalui latihan secara kerap yang dianjurkan oleh Sukan Olimpik Istimewa Singapura.

Nuraqilah Fatin Bte Swat

Peralihan Fatin dari DSS ke dunia pekerjaan merupakan antara cabarannya yang terhebat. Sudah beberapa kali dia menyatakan hasrat untuk keluar daripada program latihan industri tersebut kepada jurulatih pekerjaannya. Semasa berkhidmat di McDonald's, dia mula meminati seni latte. Dia mendaftarkan dirinya dalam kursus barista profesional dengan wang simpanannya. Kegagalan berulang dalam kursus itu tidak menghalangnya untuk terus mencuba. Sejak tamat pengajian dari Akademi Bettr Barista Coffee pada Julai 2017 sebagai seorang pelatih bekerja sambil belajar, Fatin telah berjaya mengambil bahagian dalam pertandingan barista tempatan dan terus berkhidmat kepada orang lain dengan kebolehannya di cawangan McCafe tempatan.



Poh Yu Ru, Shawn Seah, Rajeev Raghasudha dan Ang Yun Zane

Poh Yu Ru, Shawn Seah, Rajeev Raghasudha dan Ang Yun Zane adalah antara pelajar DSS yang sedang menuntut di kolej Institut Pendidikan Teknikal (ITE). Individu-individu bermotivasi tinggi ini mengatasi halangan besar dalam kehidupan peribadi untuk mencapai matlamat mereka dan mencerminkan kejayaan yang boleh dikecapi apabila kepercayaan pada diri sendiri digandingkan dengan sokongan yang konsisten daripada keluarga dan sekolah.



kiri ke kanan: Poh Yu Ru, Shawn Seah, Rajeev Raghasudha dan Ang Yun Zane

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah Senior Delta
Laman Web Sekolah	apsn.org/schools/delta-senior-school
Alamat	3 Choa Chu Kang Grove, Singapura 688237
Stesen MRT Terdekat	MRT Choa Chu Kang, LRT Teck Whye, LRT Keat Hong

Perkhidmatan Bas Berdekatan	Perhentian Bas B44891, bersebelahan DSS Khidmat Bas 983 Perhentian Bas B44899, bertentangan DSS Khidmat Bas 983 dan 308 Perhentian Bas B44151/9, ITE Kolej Barat, Balai Bomba Bukit Batok terdekat Khidmat Bas: 985, 180, 187, 188	
Misi	Memperkasa Seseorang berkeperluan khas menjadi penyumbang aktif dalam masyarakat. Memberikan inspirasi dan membina keupayaan rakan kongsi dan masyarakat. Menerajui dan menggalak ke arah sebuah masyarakat yang inklusif.	
Visi	Kehidupan yang Diperkasa untuk Masyarakat yang Terlibat dan Inklusif	
Nilai-nilai	Rasa Hormat, Tanggungjawab, Berdaya Tahan, Integriti	
Moto	Saya Boleh, Saya Mahu, dan Saya Akan Berusaha Menjadi Yang Terbaik	
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	Seni Tarian, Kelab IT, Genderang, Tarian Singa, Seni Kreatif, Kelab Rekreasi	Sukan Bola Sepak, Boling, Bola Lantai, Berenang, Bola Keranjang, Badminton, Tenis Meja
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Program Akademik Literasi, Celik Angka, Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan, Kecergasan dan Kesihatan • Program Vokasional dengan Modul Kelayakan Kemahiran Tenaga Kerja Singapura (WSQ) dalam Operasi Lanskap (Hortikultur), Pengerusuan Runcit, Perkhidmatan Hotel & Penginapan, Perkhidmatan Makanan (Seni Kulineri, Pastri & Membuat Roti, Operasi Perkhidmatan) • Latihan Kemahiran Kerja (Program LEAD) direka untuk membangunkan kemahiran kerja generik dan meningkatkan kesediaran untuk bekerja secara keseluruhan. • Latihan Kemahiran Hidup (Program LEAD) membangunkan kemahiran hidup berdikari seperti mengakses sumber masyarakat, melibatkan diri dalam aktiviti riadah yang sihat, memaparkan tingkah laku sosial yang sesuai apabila berinteraksi dengan orang lain dan meningkatkan kesedaran tentang keselamatan diri serta pengetahuan tentang di mana dan bagaimana untuk mendapatkan bantuan apabila diperlukan. • Latihan Kemahiran Komputer (Program LEAD) mengembangkan kemahiran dalam penggunaan teknologi untuk memudahkan pelaksanaan pelbagai tugas di tempat kerja dan dalam kehidupan. <p>(Nota: Program LEAD adalah untuk pelajar yang mampu bekerja iaitu mereka yang tidak memenuhi kriteria minimum untuk kemasukan ke salah satu program vokasional WSQ – pada masa ini program ini hanya terbuka kepada pelajar dari Sekolah Tanglin dan Sekolah Katong)</p>	



Sekolah Katong

Memahami Dunia Kerja - Program Pengalaman Kerja @ KS

Setiap tahun, pelajar berusia 13 tahun di Sekolah Katong (KS) melawat sekurang-kurangnya sembilan lokasi kerja yang berlainan dalam pelbagai industri untuk memahami dunia vokasional. Tidak hairanlah sekiranya para pelajar ini yakin dan bersedia untuk memulakan Program



Berlatih mengimbas bungkusan

Pengalaman Kerja mereka apabila mereka sampai ke Menengah Empat.

Jabatan Pendidikan Vokasional KS bekerja rapat dengan rakan korporat untuk memupuk minat, memahami kebolehan individu dan membina etika kerja yang positif dalam diri setiap pelajar yang melalui Program Pengalaman Kerja



Pakar Hortikultur sedang bertugas



Jurulatih renang kamisabar membantu pelajar membina keyakinan diri untuk berenang

Berenang, Kemahiran Sepanjang Hidup

Tanyalah pelajar-pelajar KS tentang program Pendidikan Jasmani mereka, anda pasti akan mendengar tentang kelas renang yang sering dinanti-nantikan oleh mereka. Menerusi latihan, para pelajar memperkuatkan keyakinan mereka di dalam air yang lebih baik dan mempelajari gaya dan teknik renang yang betul. Pelajar dibahagikan kepada kumpulan berdasarkan tahap keyakinan mereka, pengalaman berenang pada masa lalu dan kemahiran berenang yang sebenar.

Jabatan Pendidikan Jasmani di KS percaya bahawa berenang merupakan kemahiran hidup yang penting dan aktiviti riadah yang mendorong para pelajar untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Seni Sarkas - Kegiatan Kokurikulum yang diminati di KS

Kegiatan kokurikulum (CCA) Seni Sarkas di KS telah meraih reputasi taraf prestasi yang tinggi. Di bawah pemerhatian tajam dan minda kreatif para guru dan jurulatih, pelajar dalam CCA ini telah mendapat banyak peluang untuk membuat persembahan dalam pelbagai acara awam dan Majlis Tamat Pengajian dan Penyampaian Hadiah.

Para pelajar mempersempahkan pertunjukan seperti diablo, fire poi, piring berputar, imbang atas rolla-bolla – bola senaman besar seberat kira-kira 27 kg – dan juga berjalan atas tongkat. Para pelajar berlatih dan bekerja keras untuk mencapai standard yang tinggi. CCA ini, yang menjadi pilihan ramai pelajar berumur 13 hingga 16 tahun, membina kebanggaan dalam kebolehan unik mereka, dedikasi kepada CCA tersebut serta meningkatkan keyakinan mereka.



Pelajar tekun belatih untuk mengendalikan fire poi



Pejalan kaki tongkat yang penuh misteri



Artis sarkas memperkenalkan kemahiran mengimbang

Rancangan Peralihan – Persiapan yang Betul Memastikan Peralihan Lancar

Dari wajah baharu ke bilik darjah baharu, ini mungkin menjadi suatu pengalaman yang menggantarkan bagi seorang kanak-kanak yang memasuki program sekolah menengah. Oleh sebab itu, KS memastikan bahawa setiap kanak-kanak dapat beralih ke peringkat Menengah Satu dengan baik dengan bantuan pakar psikologi sekolah. Pakar psikologi sentiasa bersedia untuk memahami keperluan dan keprihatinan ibu bapa dan anak mereka dan mencari strategi untuk membantu memudahkan mereka memulakan kehidupan sekolah yang baharu. Program kenal suai dua hari juga dijalankan oleh pakar psikologi bersama guru-guru Darjah Enam untuk memberikan mereka gambaran keseluruhan kehidupan Sekolah Menengah.



Program Orientasi Menengah Satu

Paling penting sekali, ibu bapa memainkan peranan penting dalam peralihan anak mereka ke Sekolah Menengah dan KS berusaha sedaya upaya untuk menyokong ibu bapa dengan memberikan mereka bahan-bahan cerita sosial yang boleh digunakan oleh mereka bersama anak-anak mereka di rumah untuk mempersiapkan menghadapi peringkat seterusnya dalam perjalanan pembelajaran anak mereka.

Taman Permainan Dwitujuan @ KS

KS mempunyai taman permainan dwitujuan yang dapat menarik perhatian murid sekolah rendah bawah dengan reka bentuk yang ceria, terutamanya semasa waktu rehat. Ruang ini diwujudkan untuk menyediakan mereka tempat untuk bermain bersama-sama, belajar cara bermain secara bergilir-gilir dan menjaga antara satu sama lain. Peralatan ini telah dipilih khas

untuk menggalakkan bermain secara kreatif, interaksi sosial dan membantu pelajar membina kestabilan dan keseimbangan dalam kemahiran motor kasar mereka.



Taman permainan ini unik kerana digabungkan dengan kawasan latihan kesihatan untuk membantu membina otot dan kekuatan pelajar kami yang terdapat dalam program sekolah menengah. Terdapat trek larian, peralatan untuk kekuatan otot lengan (inclined flex arm hang) dan stesen sit-up untuk menguatkan otot perut.

Pelajar juga menggunakan kawasan ini sebagai tempat pertemuan dan perbincangan. Tawa riang para pelajar kami yang gembira kerap kedengaran.



Sekolah Katong

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Aidil Bin Amran

Aidil Bin Amran, bekas pelajar KS, ialah pemuda berusia 24 tahun yang berazam untuk membina masa hadapan yang berjaya untuk dirinya dan keluarga.

Selepas tamat persekolahan di KS, Aidil bekerja sebagai barista di The Coffee Bean and Tea Leaf selama tiga tahun, sebelum beralih ke industri logistik sebagai pemandu forklif. Sebagai seorang yang percaya akan pembelajaran secara berterusan, Aidil telah menghadiri kursus latihan untuk pemandu forklif dan telah dinaikkan pangkat sebagai ketua pasukan kepada tiga hingga empat pemandu forklif yang lain di syarikatnya.

Aidil sudahpun berumah tangga. Dengan tersipu-sipu, Aidil berkongsi bahawa dia berharap dapat menyediakan tempat tinggal yang selesa untuk dia dan isterinya dan membina sebuah keluarga pada masa depan. Dia juga berharap dapat mengendalikan gerai makanan sendiri pada suatu hari nanti.



SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah Katong
Laman Web Sekolah	apsn.org.sg/schools/katong-school
Alamat	900, New Upper Changi Road Singapura 467354
Stesen MRT Terdekat	MRT Tanah Merah
Perkhidmatan Bas Berdekatan	Nombor 2, 2A, 9, 9A, 14, 14A, 24, 31, 35, 45
Visi	Kehidupan yang Diperkasa untuk Masyarakat yang Terlibat dan Inklusif
Nilai-nilai	Integriti, Komitmen, Rasa Hormat, Tanggungjawab
Moto	Kita Boleh Mencapai Kejayaan

Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan

Sekolah Rendah:

Sukan & Kegiatan Luar Darjah:

- Olahraga
- Berenang
- Boccia
- Bola sepak

Seni Persembahan

- Artist Inc
- Seni Visual
- Seni & Kraf

Sekolah Menengah:

Sukan & Kegiatan Luar Darjah:

- Boling
- Bola sepak
- Olahraga
- Berenang
- Pengakap

Seni Persembahan

- Tarian/Koir
- Seni Sarkas

Seni Visual

- Seni Digital & Robotik
- Kelab Seni Lukis

Program Utama

- **Pendidikan Jasmani (PE) Renang Sekolah Menengah** adalah sebahagian daripada pelajaran Pendidikan Jasmani sekolah dan para pelajar dibahagikan kepada kumpulan berdasarkan tahap keyakinan mereka di dalam air, pengalaman berenang dan kemahiran renang yang sebenar.
- **Seni Sarkas** memberikan peluang kepada pelajar untuk berasa bangga dengan usaha gigih mereka dan membina keyakinan diri.
- **Program Pengalaman Kerja** mempersiapkan pelajar untuk pekerjaan pada masa hadapan. Pelajar mempunyai sekurang-kurangnya 10 sesi latihan industri untuk setiap lokasi kerja.



Sekolah Tanglin

SEKOLAH TANGLIN YANG MAHIR TEKNOLOGI

Di Sekolah Tanglin (TS), integrasi Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) dalam semua bidang kurikulum adalah pemungkin untuk mentransformasikan pelajar yang pasif kepada pencipta yang aktif. Para pelajar dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan dan ciri-ciri positif yang relevan untuk menjadi pekerja dan warganegara yang efektif di tempat kerja digital global masa akan datang.

Di sini, pelajar menggunakan program komputer untuk berkomunikasi dengan mentafsir dan memahami mesej yang tertanam di antar muka (contohnya, E-buku, animasi gerak henti, iMovie). Pelajar juga berpeluang untuk memanfaatkan alat ICT seperti Model 3D, Robotik, Seni Digital, Teknologi Dron dan Fotografi Digital untuk mereka, menulis dan menyunting pelbagai projek kerjasama.

Malahan, program ICT ini telah diberikan dua Anugerah Star Raft yang berprestij oleh Universiti Seisa, Yokohama, Jepun di Persidangan Persekutuan Kurang Upaya Intelek Asia pada tahun 2009 dan 2015.



Pereka 3D muda sedang bertugas



Sebuah hasil seni dari The Treasure Scape

THE TREASURE SCAPE

'Daripada sampah menjadi harta' merupakan tema di The Treasure Scape. Di sini para pelajar diberikan ruang dan lebih penting lagi, gerakan kreatif untuk mengubah sampah harian menjadi produk baharu yang bernilai. Program perbaharu barang lama secara kreatif ini atau upcycling menanamkan sikap kewarganegaraan yang bertanggungjawab yang dapat memberi kesan kepada alam sekitar secara positif.

Diambil daripada prinsip pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek, The Treasure Scape menerapkan amalan, kemahiran, pengetahuan dan sikap yang telah didedahkan kepada para pelajar ini dalam kurikulum Pendidikan Vokasional untuk mengubah barang-barang terpakai atau tidak diperlukan lagi untuk menjadi produk-produk inovatif.

PROGRAM TERAPI LEGO

Program Terapi Lego bertujuan meningkatkan keupayaan berinteraksi secara sesuai dalam persekitaran sosial dalam diri pelajar dengan Gangguan Autisme Spektrum. Para pelajar membina dan mereka struktur dengan batu bata Lego dan menjalani sesi terapi bermain bersama Pakar Psikologi dan Ahli Terapi Pertuturan dan Bahasa. Diadaptasi daripada Dr Daniel B. LeGoff (Yale, 2000), Terapi Lego menggabungkan aspek terapi tingkah laku, mencontohi rakan sebaya dan strategi komunikasi semula jadi bagi meningkatkan kecekapan sosial dan untuk kanak-kanak autisme agar mengekalkan interaksi dengan rakan sebaya.



Program Terapi Lego

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Hay Qing Hui

Hay Qing Hui telah bekerja dengan TS sejak tahun 2013. Dia melatih pasukan Tenis Meja dan mengajar Tarian Latin sebagai Kegiatan Kokurikulum.

Namun, tidak semuanya mudah untuk Qing Hui. Sebagai seorang pelajar, Qing Hui bergelut dengan rasa kurang keyakinan diri harga diri rendah apabila dia dipindahkan ke TS daripada sekolah aliran utama. Walau bagaimanapun, pengalamannya di TS telah memberikannya tujuan dan menyalaikan semangatnya dalam bidang sukan. Dia mewakili Singapura di Sukan Olimpik Istimewa (Sukan Musim Panas Dunia) di Shanghai dalam Olahraga pada tahun 2007 dan pasukannya membawa pulang pingat emas untuk acara lari berganti-ganti 4x400m. Qing Hui turut bersaing dalam Sukan Olimpik Istimewa (Sukan Musim Panas Dunia) 2011 dan Pasukan Bola Keranjangnya meraih tempat keempat.

Apabila dia mula melihat peluang-peluang yang terbentang luas, dia menyedari bahawa dia tidak bersendirian. Dia menjadi aktif dalam banyak aktiviti kokurikular lain termasuk tarian. Dia turut berkongsi dan mempersembahkan teknik tariannya di Forum Pembangunan Seni bagi Orang Kurang Upaya Intelek di Macau pada tahun 2016.

Apabila ditanya tentang galakan yang diberikan kepada rakan sebaya, dia berkata, "Jangan berputus asa kerana kita boleh cemerlang. Ketahui kekuatan anda dan berusahalah meningkatkannya. Anda juga akan berjaya!"





Sekolah Tanglin



Perekra Cipta Kreatif TS



Pelajar seronok di Kelab Drama



Pelajar sedang mendayung Bot Naga

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah Tanglin
Laman Web Sekolah	www.apsn.org.sg
Alamat	143, Alexandra Road, Singapura 159924
Stesen MRT Terdekat	Stesen MRT Redhill
Perkhidmatan Bas Berdekatan	51, 122, 139, 186, 970

Misi	Memperkasa orang berkeperluan khas menjadi penyumbang aktif dalam masyarakat. Memberikan inspirasi dan membina keupayaan rakan kongsi dan masyarakat.
Visi	Menerajui dan menyokog ke arah sebuah masyarakat yang inklusif. Kehidupan yang Diperkasa untuk Masyarakat yang Terlibat
Nilai-nilai	Integriti, Berdaya Tahan, Komitmen, Rasa Hormat.
Moto	Saya akan berusaha melakukan yang terbaik..
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<p>Seni Persembahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan Angklung • Tarian Fusion • Sukan Tarian – Tarian Latin & Ballroom • Kumpulan Genderang Troupe Shock • Silat <p>Seni Visual</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karya Aluminum • Lukisan Batik • Mengukir Arca • Lukisan Cat Air <p>Sukan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Olahraga • Badminton • Bola Lantai • Bola sepak • Berenang • Tenis Meja <p>Kelab</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelab Drama • Kelab Pengurusan Acara • Kelab Inovasi & Usahawan • Kelab Berbilang Media
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Pilih Hijau, Fikir Hijau, Tanam Hijau (CTGG) adalah program serata sekolah yang memupuk kewarganegaraan yang bertanggungjawab dalam kalangan para pelajar melalui kegiatan yang meningkatkan kesedaran tentang perubahan alam sekitar.

BUKAN HANYA UNTUK SENI

Usaha Artistik GOS

Lebih dari sekadar lagu, tarian, drama dan lukisan, Sekolah Grace Orchard (GOS) memperkasa para pelajarnya dengan keupayaan untuk mengekspresikan diri mereka dalam cara yang bermakna menerusi Seni. Pelajar lantas mampu memahami diri mereka sendiri dan terbuka untuk melibatkan diri dan berinteraksi dengan masyarakat mereka.



No D/fferent menerusi sukan

No D/fferent

Penerokaan artistik sering menceriakan usaha pelibatan masyarakat GOS. Inisiatif seperti kempen No D/fferent berazam untuk memecahkan halangan antara orang berkeperluan khas dan masyarakat selainnya. Usaha yang penuh inspirasi ini meraikan persamaan antara manusia menerusi kaedah seni instalasi tiga dimensi bersama masyarakat umum dan penerbitan drama bersama pelajar Institusi Raffles, Sekolah Perempuan Methodist dan Sekolah Rendah Fairfield Methodist. Para pelajar juga bersenam bersama Kelab Masyarakat Jurong Spring dalam sesi senaman beramai-ramai.



Berlakon dari hati



Sedang memetik gitar

ASUHAN DI LUAR BILIK DARJAH

GOS bertujuan untuk melibatkan para pelajar melalui program penjagaan pastoral selepas sekolah yang seronok dan bermakna. Aktiviti di sekolah yang memperkaya serta kerjasama dengan sekolah aliran utama, perusahaan sosial dan agensi luar ini mengembangkan kemahiran pelajar dan memastikan pengalaman berkualiti di luar bilik darjah. Antara aktiviti yang dianjurkan termasuk bengkel fotografi, berbasikal dan Aikido. Hab Belia juga merupakan ruang selamat yang selesa untuk para pelajar berinteraksi secara bermakna dengan rakan sebaya mereka sambil mengasah kemahiran interpersonal dan membuat keputusan.



Mengerat hubungan semasa bermain papan permainan



Berbasikal di Taman West Coast


BERSEDIA UNTUK KERJA!

Seakan-akan tidak sabar menantikan secawan kopitiam segar di Gopi-O!, pelajar GOS juga diperkenalkan kepada dunia pekerjaan yang dinamik melalui Program Pendidikan Pravokasional. Gopi-O! ialah kafe latihan milik GOS yang memberikan peluang kepada pelajar untuk meraih kemahiran yang berkaitan dengan penyediaan makanan.

Program Pendidikan Pravokasional ini menyiapkan pelajar untuk alam pekerjaan dengan mempertimbangkan minat dan kegemaran mereka. Program ini juga membolehkan mereka mempelajari pengetahuan dan kemahiran baharu yang berkaitan dengan dunia pekerjaan. Dibimbing oleh Jurulatih Pekerjaan, pelajar juga didedahkan kepada persekitaran kerja dan pengalaman yang sebenar melalui latihan industri dalam pelbagai industri dan ruang masyarakat.



Latihan guru pembantu di pusat jagaan anak



Membalik tayar basikal

FAKTA MENARIK GOS

- GOS dibentuk seperti sebuah bahtera; simbol perlindungan dan keselamatan.
- Logo sekolah ini sesuai dipanggil Wings of Flight atau Sayap Penerbangan, satu peringatan cara para pelajar GOS akan terbang tinggi dengan sayap seperti helang.



INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Noor Hassidah Binti Jamaludin

Peramah, mesra dan terpancar tenaga positif, Noor Hassidah rapat dengan muridnya dan mengendalikan pelajaran secara perseorangan dan kumpulan kecil yang berkesan di dalam blik darjah. Beliau bukan sahaja seorang guru yang berdedikasi tetapi contoh yang baik untuk para pelajar di GOS kerana dia merupakan salah seorang daripada mereka. Hassidah lulus dari GOS pada tahun 2012. Ketika Hassidah di GOS, dia telah diberikan banyak peluang untuk meneroka pelbagai bidang vokasional termasuk latihan industri sebagai pembantu guru, pembantu kerja-kerja pentadbiran dan pelatih pembuat roti dan kek. Pengalaman-pengalaman ini membantu Hassidah membentuk minat dan membolehkannya memahami kebolehannya. Hari ini, Hassidah berkhidmat dengan bangga sebagai kakitangan pengajar GOS. Mengajar di GOS mengembalikan kenangan baginya dan dia yakin bahawa pelajarnya boleh mencapai impian mereka jika mereka tabah dan bekerja keras.



Hassidah memenangi Anugerah Pencapaian Cemerlang



Hassidah bersama pelajarnya semasa pelajaran kumpulan kecil dan pelajaran perjalanan

“Anda boleh mencapai impian apabila anda percaya akan diri sendiri.”

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Grace Orchard School
Laman Web Sekolah	go.edu.sg
Misi	Membentuk Kehidupan yang Bermakna bagi Pelajar Istimewa
Visi	Teguh kepada nilai-nilai; Bersedia untuk Kehidupan; Diperkasa untuk melakukan perubahan

Nilai-nilai	Kasih Sayang, Integriti, Ketabahan, Tanggungjawab, Rasa Hormat			
Alamat	6A Jurong West St. 52, Singapura 649297			
Stesen MRT Terdekat	MRT Lakeside (EW26) – 7 minit berjalan kaki dari Exit A			
Perkhidmatan Bas Berdekatan	Bas yang berhenti di sepanjang Jurong West St 52 – Bas 335 1 minit berjalan kaki dari perhentian bas B28411			
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<p>Sukan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Olahraga • Badminton • Bola keranjang • Boling • Bola sepak • Berenang 	<p>Seni Persembahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Koir • Tarian • Handchime • Kumpulan Muzik • RECA (Mencapai Kecemerlangan menerusi Seni Sarkas) 	<p>Kelab</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berbilang Media • Seni Visual 	<p>Kumpulan Seragam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Briged Budak lelaki • Briged Budak Perempuan
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • RECA (Mencapai Kecemerlangan menerusi Seni Sarkas) melatih para pelajar untuk melakukan pelbagai silap mata dengan Diabolo. RECA ialah Anugerah Inovasi SPED MOE-NCSS yang pertama pada tahun 2007. • Program Kesenian kami membolehkan para pelajar membina kemahiran asas dalam Tarian, Drama, Seni Muzik dan Visual, supaya mereka dapat menggunakan untuk menyatakan fikiran mereka secara bermakna. • Rangka Kerja Reka Bentuk Sejagat bagi Pembelajaran (UDL) berdasarkan neurosains ini digunakan bagi perancangan semua pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ini membolehkan kami menumpukan kepada pembangunan para pelajar yang mahir dan berdikari. • Program Integrasi Gangguan Spektrum Autisme (ASD) membolehkan para pelajar dengan ASD yang dapat meraih manfaat daripada pembelajaran secara berkumpulan untuk beralih ke persekitaran bilik darjah MID. Pelajar dalam program ini mempunyai pelan peralihan yang dilaksanakan oleh sebuah pasukan kerjasama berbilang disiplin. 			



Sekolah Metta

PROGRAM UTAMA: SENI PERSEMBAHAN DAN VISUAL



Ahli Genderang mencipta muzik bersama Encik Ng Chee Meng, Menteri Pendidikan (Sekolah) & Menteri Kedua bagi Pengangkutan

Menerusi seni, para belia meneroka pilihan peribadi dan perspektif orang lain yang berbeza-beza. Menerusi seni, pelajar boleh bersuara untuk berkongsi idea mereka. Menerusi seni, kita dapat menghargai keindahan dan dunia di sekeliling kita. Oleh sebab itu, dengan kepercayaan inilah, Sekolah Metta (MS) memulakan program Seni Persembahan & Visual (PVA) pada tahun 2003. Sejak itu, ramai pelajar telah mendapat manfaat menerusi program ini dan telah menjadi program utama di sekolah.

Program PVA membolehkan para pelajar meneroka, mengalami, dan membina kemahiran dan minat dalam seni. Sama ada dengan bermain instrumen di Orkestra Cina atau membuat arca di kelas tembikar, setiap pelajar dapat meraih keseronokan dalam kreativiti mereka sendiri sambil mereka belajar untuk meluahkan perasaan, fikiran dan idea mereka melalui seni.



Orkestra Cina

GAYA HIDUP SIHAT UNTUK HIDUP YANG BAHAGIA

MS membentuk program-program pendidikan jasmani yang menyeronokkan untuk membina kekuatan dan ketahanan otot pelajar agar mereka berupaya melakukan kerja. Pelajar-pelajar ini juga memperoleh kemahiran kesihatan dan keselamatan dalam pekerjaan seperti kemahiran Bantuan Kecemasan. Pendekatan holistik ini telah membantu para pelajar memahami kaitan pendidikan jasmani dalam mencapai impian mereka agar dapat terus bekerja.

Selain pelajaran di sekolah, guru-guru mewujudkan peluang untuk pelajar bergabung dengan masyarakat melalui program "Community Connect". Melalui program ini, pelajar yang akan menamatkan pengajian akan terdorong untuk mendekati masyarakat melalui aktiviti sukan dan jasmani. Ini melancarkan proses peralihan dari sekolah kepada kehidupan berdikari di dalam masyarakat.

Pada tahun 2016, MS menerima Anugerah Inovasi MOE-NCSS untuk projeknya yang bertajuk "Pusat Kecemerlangan bagi Kesihatan & Kecergasan (MID)". Anugerah ini mengiktiraf usaha sekolah dalam membangunkan budaya inovasi menerusi pelaksanaan amalan-amalan inovatif yang memupuk perkembangan pelajar.



Pelajar Metta
menyertai acara
sukan masyarakat

BELAJAR DI LUAR KAMPUS DAN BILIK DARJAH



Pelajar Program Vokasional di rumah anak-anak yatim di Myanmar - Pusat Pembangunan Belia



Kumpulan Tarian Naga & Singa bersama rakan-rakan dari Sekolah Menengah No. 2 Hong Kong Yan Chai

Mengetahui bahawa para pelajar dapat belajar dengan lebih baik di dalam persekitaran yang sebenar dan harus diberikan peluang untuk meluaskan pandangan mereka, MS berusaha memberikan setiap pelajar peluang untuk memulakan perjalanan pembelajaran di luar kampus dan bilik darjah. Berikut merupakan beberapa program dan aktiviti sekolah yang dianjurkan untuk memudahkan pembelajaran pelajar di luar bilik darjah.

Belajar Berjalan dan Hidup Berdikari

Setiap bulan, aktiviti kecekapan sosial sambil bersiar-siar diadakan bagi setiap pelajar untuk menimba kemahiran melakukan perjalanan dengan menggunakan pengangkutan awam untuk pergi dari satu tempat ke tempat lain dan berlatih kemahiran mengendalikan wang semasa membeli sesuatu di kedai-kedai makanan

Program Latihan Vokasional

Pelajar bersedia untuk menjalani latihan vokasional melalui pendedahan dunia pekerjaan, latihan industri serta latihan bersepada dalam pengurusan rumah, penyediaan makanan dan membuat roti atau kek. Program-program ini menyediakan asas yang baik untuk pelajar yang menyertai program vokasional pada usia 17 tahun.

Kem Tempatan dan Projek Nilai dalam Tindakan

Kem sekolah diadakan setiap tahun dengan objektif yang berbeza untuk pelajar yang mempunyai Gangguan Spektrum Autisme (ASD) dan Kurang Upaya Intelek Sederhana(MID). Ini termasuk kem Pendidikan Nasional, kem kepimpinan dan kem pengembaraan. Pelajar peringkat atas dalam program vokasional ini juga mengambil bahagian dalam projek-projek Nilai dalam Tindakan manakala pelajar peringkat rendah terlibat dalam program-program yang membina keyakinan diri, hidup berdikari dan memupuk 'Pemimpin dalam Diri Saya'.

Program Pengalaman dan Pertukaran Luar Negara

Kumpulan persembahan yang sudah bersedia untuk berkongsi, berkhidmat dan melancong ke luar negara untuk pembelajaran berasaskan pengalaman, akan mewakili sekolah dalam persembahan atau menghadiri program penyerapan budaya.



Kegiatan semasa Kem NE





Sekolah Metta

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Tan Chuan Sheng Jovi

Jovi lulus dari MS pada tahun 2011, dengan Sijil Kemahiran ITE dalam Membuat Roti dan Kek. Semasa persekolahannya, dia telah ditempatkan di Hotel Marina Bay Sands untuk latihan sambil bekerja. Jovi terus bekerja di hotel tersebut setelah tamat sekolah.

Kini, Jovi sering dipuji kerana ketekunan, semangat dan sikap positifnya. Pada tahun 2017, dia telah diberikan anugerah Bakti Setia. Apabila ditanya tentang kerjayanya, Jovi tersenyum dan berkata bahawa ada masa-masa senang dan ada juga masa yang mencabar apabila dia terpaksa menangani tuntutan para pelanggan dan pihak pengurusannya. Walau bagaimanapun, nilai-nilai dan sikap positif yang dipelajarinya semasa di MS telah membantunya untuk terus tabah.

Hobi Jovi ialah fotografi dan pada masa luangnya, dia suka mengambil gambar alam semula jadi, orang dan tempat. Kadang-kala dia dijemput untuk mengambil gambar di majlis perkahwinan dan acara pesta. Dia telah berkembang daripada seorang budak lelaki kepada seorang pemuda yang berdikari; suatu perkembangan yang amat menggembirakan.



Lai Bo Cheng

Bo Cheng pernah sekali membuat seorang tetamu di Mandarin Orchard Singapore berasa kagum sehingga beliau meninggalkan komen di laman web Trip Advisor, yang menyatakan bahawa dia mengalami hari yang luar biasa kerana seorang penjaga pintu. Dalam usaha menyediakan perkhidmatan yang berkualiti apabila menerima tetamu, Bo Cheng memastikan bahawa dia menyambut tetamu dengan senyuman serta mengucapkan "Semoga hari anda hebat hari ini!" atau "Semoga hari anda menakjubkan hari ini!". Dia telah dinaikkan pangkat daripada Penjaga Pintu kepada Duta Jalan Masuk Kenderaan dan diberikan 'Anugerah Pekerja Contoh' di Anugerah Pemerkasaan Majikan 2014 dan 'Anugerah Individu' di Anugerah Kerjasama Hari Buruh 2014.



Lai Bo Cheng (pemuda di tengah) menerima anugerahnya dari Mandarin Orchard di Majlis Anugerah Kerjasama Hari Buruh 2014

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah Metta
Laman Web Sekolah	mettaschool.edu.sg
Alamat	30 Simei Street 1, Singapura 529949
Perkhidmatan Bas Berdekatan	Bas 9, 12, 38 & 20



Misi	Untuk memperkasa para pelajar agar mencapai potensi mereka yang sepenuhnya dengan menyediakan pendidikan yang holistik dan bermutu.		
Visi	<p>Pelajar Metta menjalani kehidupan yang berdikari* dan bermakna#</p> <p>*<i>Berdikari bermaksud</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Berupaya menguruskan diri dalam kehidupan harian ✓ Bekerja <p>#<i>Bermakna bermaksud</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Seimbang dalam pekerjaan dan masa lapang ✓ Nilai diri yang positif ✓ Terlibat dalam masyarakat 		
Nilai-nilai	Rasa Hormat, Berdaya bingkas, Tanggungjawab, Keterbukaan, Belas Kasihan, Pengetahuan		
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<ul style="list-style-type: none"> • Badminton • Boling • Tarian Singa • Pengakap • Bola sepak • Berenang • Tenis Meja 	<ul style="list-style-type: none"> • Angklung • Orkestra Cina • Seni Sarkas • Tarian • Genderang • Muzik & Pergerakan • Ukulele • Wushu • Ucapan & Drama 	<ul style="list-style-type: none"> • Seni & Kraf • Lukisan Batik • Kaligrafi & Lukisan Cina • Seni Digital • Seni Mozek • Fotografi • Membuat Tembikar
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Seni Persembahan & Visual para pelajar meluahkan perasaan, fikiran dan kreativiti mereka; dan menghargai seni. • Program Kesihatan & Kecergasan membolehkan para pelajar menjalani gaya hidup sihat dengan memperoleh kecergasan jasmani; meningkatkan kesejahteraan emosi; berintegrasi dengan masyarakat dan dilengkapi kemahiran keselamatan. • Latihan Vokasional - Pensijilan Kemahiran ITE (ISC) alah kursus ISC yang dikenali dalam Pengurusan Rumah, Penyediaan Makanan, Membuat Roti dan Kek, Amalan Membuat Roti dan Kekdan Perkhidmatan Hospitaliti. 		

DISESUAIKAN UNTUK PELAJAR

Dengan mempertimbangkan keperluan pelajar, Sekolah Fernvale Gardens (FGS) memastikan bahawa bilik darjah direka bentuk dengan struktur fizikal dan sokongan visual yang diperlukan untuk membantu para pelajar memahami persekitaran mereka, mempelajari kemahiran baharu dan hidup secara berdikari. Di samping itu, guru-guru menyesuaikan bahan pendidikan dan memikirkan pelbagai cara bertindak dan ekspresi untuk kanak-kanak belajar dan berkembang.

Bersama guru untuk mempelajari kemahiran baharu

Pelajar mempelajari konsep kiri dan kanan

Pelajar belajar secara kendiri

Pelajar belajar antara satu sama lain



Pembentangan Akhir Cabaran Kreatif Antara-SPED

PROGRAM VOKASIONAL DAN PERALIHAN SEKOLAH-KE-PEKERJAAN

Program Vokasional ini bertujuan untuk mempersiapkan pelajar berusia 13 hingga 18 tahun untuk laluan selepas sekolah dalam pekerjaan yang terlindung, disokong, disesuaikan atau terbuka melalui pembangunan kemahiran yang progresif. Para pelajar meraih kemahiran bersedia untuk bekerja dan kemahiran teknikal yang diperlukan dalam industri seperti Makanan dan Minuman, Pengurusan Runcit dan Perkhidmatan Hospitaliti. Pelajar diberi peluang untuk menerapkan perkara-perkara yang telah dipelajari oleh mereka ke dalam persekitaran kerja yang autentik dalam industri kerja yang pelbagai. FGS juga percaya dengan kerjasama rapat bersama ibu bapa dan penjaga untuk membantu pelajar mencapai matlamat mereka. Pada tahun 2017, para pelajar telah memanfaatkan kebijaksanaan dan kemahiran mereka dengan baik apabila mereka muncul sebagai Pemenang ke-3 dalam Cabaran Kreatif Antara-SPED.



Pameran hasil karya - gubahan bunga, hidangan nasi ayam, minuman mocktail dan origami napkin untuk Cabaran Kreatif Antara-SPED

Bagi pelajar yang berpotensi untuk bekerja, Program Peralihan Sekolah-ke-Pekerjaan (S2W) menawarkan laluan latihan yang disesuaikan dan pilihan sokongan kerja selepas tamat pengajaran. Pelajar juga boleh diletakkan dalam program latihan industri yang membolehkan mereka meraih pengalaman kerja yang relevan dalam persekitaran kerja yang sebenar.

Latihan Balapan Kelab Sukan



PENDIDIKAN HOLISTIK

Program CCA meningkatkan perkembangan holistik para pelajar.

Kumpulan Performance Artz mengkhusus dalam bidang dalam Tarian Sepanyol. Kumpulan ini telah membuat banyak persembahan awam di luar sekolah seperti acara Perbarisan Ungu, Majlis Memperingati Hari Kebangsaan Mahkamah Agung dan Singapore Press Holdings.

Kelab Sukan juga bertujuan untuk membina stamina dan pengalaman pelajar dalam pelbagai sukan melalui penyertaan dalam acara-acara yang dianjurkan oleh Sukan Olimpik Istimewa Singapura dan Majlis Sukan Kurang Upaya Singapura. Pelajar didedahkan kepada pelbagai aktiviti sukan seperti Memanah, Boccia, Balapan dan Padang, Bola sepak dan Boling.



Comedy in Motion

Bermain boling

KUMPULAN SOKONGAN IBU BAPA (PSG)

PSG melengkapkan sekolah dengan menawarkan khidmat sukarela mereka dan berkongsi kepakaran dan masa mereka untuk meningkatkan kesejahteraan dan pembelajaran para pelajar. Anggota PSG juga telah memberikan maklum balas dan idea yang membina untuk meningkatkan operasi sekolah.



Ahli PSG
di Perbarisan Ungu 2016



Kegiatan mengerat hubungan ibu bapa dan anak di Hai Bin Prawning

“Lucas sudah bersekolah di MINDS di Fernvale sejak tiga tahun yang lalu. Kami mempunyai pengalaman yang baik bekerjasama dengan guru, pekerja sosial dan ahli terapi. Keperluan para pelajar diberikan perhatian dengan cepat! Saya gembira anak saya adalah sebahagian daripada keluarga besar ini!”

– Adel Ang
(ibu kepada Lucas Xavier Yan, 11 tahun)

“Sokongan yang kami terima daripada MINDS telah membolehkan kami melihat anak kami membesar dengan perkembangan yang memuaskan dan menggembirakan. Saya berterima kasih kepada guru-guru dan Ahli Terapi atas dedikasi dan kerja keras mereka yang mempercayai kebolehan anak saya. Mereka juga menjadi sumber galakan dalam perjalanan keibubapaan saya.”

– Michelle Hee
(ibu kepada Shawn Chia, 18 tahun)

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Nur Alfian Hakim Bin Halim

Sepanjang perjalanan pendidikannya di FGS, Nur Alfian Hakim Bin Halim sentiasa berminat untuk belajar. Sikap positif inilah yang telah menentukan laluannya ke arah kejayaan.

Sebagai sebahagian daripada latihan vokasionalnya, Hakim berpeluang melawat rakan kongsi-rakan kongsi industri untuk belajar tentang persekitaran kerja dan memahami operasi mereka.

Prestasi kerjanya yang menonjol adalah semasa beliau mengikuti Program Pengalaman Kerja dan ditawarkan pekerjaan sambilan di PARKROYAL Serviced Suites.



Bekerja sambil belajar di PARKROYAL



SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah MINDS - Fernvale Gardens
Laman Web Sekolah	minds.org.sg/FGS
Alamat	7 Fernvale Road, Singapura 797635
Stesen MRT Terdekat	LRT Fernvale (Bertukar di MRT Sengkang)
Perkhidmatan Bas Berdekatan	50, 163 (Sengkang East Road) 70, 50, 103, 854 (Yio Chu Kang Road - 5 minit berjalan kaki)
Misi	Untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang bertenaga dan memberikan inspirasi kepada para pelajar untuk hidup berdikari dan bermasyarakat
Visi	Sekolah cemerlang yang mengutamakan setiap individu
Nilai-nilai	Keperibadian yang Kukuh Saling Menghormati Integriti Pembelajaran Sepanjang Hayat Kecemerlangan
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengakap • Tunas Puteri dan Pandu Putri • Kelab Sukan • FGS Performance Artz (Tarian) • Kelab Seni Lukis • Kegiatan Kokurikulum Modular
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Seni Visual dan Persembahan mendedahkan para pelajar kepada pelbagai pengalaman Seni, memupuk penghargaan terhadap Seni dan meningkatkan keyakinan mereka.

PROJEK STAR



Pelajar menunjukkan kemahiran ADL



Projek STAR Sekolah Lee Kong Chian Gardens (LGS), merupakan satu pendekatan pengajaran inovatif yang memberikan peluang kepada pelajar untuk melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman. Kaedah ini melingkungi enam stesen pembelajaran yang direka khas untuk menyediakan persekitaran yang autentik yang mengukuhkan kemahiran Kegiatan Kehidupan Harian (ADL) pelajar. Setiap stesen pembelajaran membolehkan pelajar meneroka pelbagai konteks yang ada di persekitaran mereka seperti di rumah dan juga dalam masyarakat.

Anugerah Inovasi MOE - NCSS 2014 telah diberikan sebagai pengiktirafan bagi amalan-amalan pengajaran inovatif mereka.



SEKOLAH-KE-PEKERJAAN (S2W) DAN PROGRAM PERALIHAN

LGS bekerja rapat dengan penyedia dan bakal rakan kerjasama pekerjaan untuk memastikan bahawa para pelajar yang mampu bekerja dilengkapi kemahiran yang diperlukan untuk beralih dengan lancar ke dalam masyarakat dan menjalani kehidupan yang bermakna pada masa hadapan.

Work shadowing, iaitu mendampingi seorang pekerja untuk mempelajari dengan lebih mendalam tentang sesuatu pekerjaan dan latihan industri dirancang bersama pelajar berbagai industri, sebagai peluang yang sebenar untuk pelajar aplikasikan kemahiran dan pengetahuan vokasional mereka. Ruang di sekitar LGS juga telah direka semula untuk menempatkan sebuah pasar mini dan kafe, Eco-Haven, dan sebuah Bilik Latihan Hotel Khusus.



SUPER TROUPER

Koir Super Trouper memberikan inspirasi kepada para pelajar untuk mencari kekuatan dan bakat mereka melalui muzik.

MENDEKATI MASYARAKAT

Peluang diberikan kepada pelajar-pelajar LGS untuk bekerjasama dengan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Queenstown melalui pelbagai aktiviti. Contohnya, mereka bergabung untuk mereka corak kotak makanan ringan dan diagihkan kepada penduduk di kawasan kejiranannya. Tujuan utama adalah untuk menyebarkan mesej dan pentingnya keharmonian kaum melalui interaksi dengan jiran-jiran.



Seorang penduduk menerima kotak makanan ringan dari pelajar LGS



Pelajar dari kedua-dua sekolah membungkus kotak makanan ringan

KAFÉ BIG L

Kafé Big L di sekolah memainkan peranan penting dalam membantu para pelajar dari Program Vokasional Lanjutan mengaplikasikan kemahiran Makanan dan Minuman dan Kebersihan Makanan. Pelajar dapat mengalami dan membiasakan diri dengan tugas di kafe yang selanjutnya mempersiapkan mereka untuk berkhidmat dua hari di salah sebuah kafe di Enabling Village. Mereka akan terlibat dalam pengurusan kafe, daripada menyedia dan menghidangkan makanan kepada mengendalikan mesen juruwang.



Pelajar menghidangkan minuman kepada tetamu



Belajar mengurus mesin juruwang

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Teo You Quan



Teo You Quan menyertai program latihan tiga bulan di McDonald's pada tahun 2015. Dia berjaya menamatkan program latihan industri tersebut dan ditawarkan pekerjaan di McDonalds pada Januari 2016. You Quan kini bekerja di McDonald's sebagai kru lobi. Tugasnya termasuk mengemas dan membersihkan meja dan menambah semula bekalan.

"Tanpa para guru, kami tidak tahu cara untuk mengajar anak kami kerana hanya guru-gurunya yang memahaminya. Kadangkala

apabila kami bercakap dengannya, dia tidak faham tetapi dia faham apabila gurunya bercakap dengannya. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada guru-gurunya. Saya akan menggalakkan ibu bapa agar memberikan kepercayaan kepada sekolah untuk mengasuh anak-anak mereka dan bekerjasama dengan guru jika kita ingin anak-anak kita berkembang dan meraih kemahiran berdikari."



Ibu bapa Teo You Quan dalam temu bual video


Nur Farahnisha Bte Sahlan

Rajin berusaha dan bermotivasi, Farahnisha merupakan pelajar contoh yang cemerlang dalam bidang akademik dan bukan akademik. Seorang pelajar yang berdikari, dia dapat menyelesaikan semua tugasnya sendiri dan membantu guru-gurunya membimbang rakan sebayanya. Dia juga pemimpin yang bertanggungjawab dan proaktif. Sebagai Ketua Pengawas, Farahnisha melaksanakan tugasnya dengan baik. Dia juga pemain berpasukan yang baik dan mengingatkan rakan Pengawasnya tentang tugas mereka dan membantu mereka apabila mereka memerlukan. Farahnisha juga adalah olahragawan wanita yang cemerlang dan telah memenangi pingat Gangsa dalam Sukan Olimpik Istimewa Singapura 2017 (Badminton). Dia meminati Seni dan terlibat dalam pelbagai pertunjukan Koir, Tarian dan Loceng.



Farahnisha menerima anugerah LKY-ESA dari Menteri Pendidikan (Pengajaran Tinggi dan Kemahiran) dan Menteri Kedua Pertahanan Encik Ong Ye Kung

Seseorang yang tidak mudah berpuas hati dengan pencapaiananya, Farahnisha mengasah kemahiran vokasionalnya menerusi latihan sambil bekerja di McDonald's, Central Laundry dan Radha Export dari tahun 2015 hingga 2017. Sebagai sebahagian daripada program perintis Job Shadowing, Farahnisha juga pernah bekerja di Pan Pacific Hotel. Prestasinya sangat memuaskan sehingga pihak hotel menawarkannya peluang menjalani latihan industri selama empat bulan bersama mereka.



SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah MINDS - Lee Kong Chian Gardens
Laman Web Sekolah	minds.org.sg/LGS
Alamat	802 Margaret Drive, Singapura 149311
Stesen MRT Terdekat	Stesen MRT Redhill
Perkhidmatan Bas Berdekatan	Bas: 132, 32, 111, 122 melalui Tanglin Road Bas: 111, 970, 51, 139, 64, 145 melalui Alexandra Road
Misi	Untuk menyediakan persekitaran pembelajaran bertenaga yang memberikan inspirasi kepada para pelajar untuk hidup berdikari dan bermasyarakat
Visi	Sekolah cemerlang yang mengutamakan setiap individu
Nilai-nilai	Keperibadian yang Kukuh Saling Menghormati Integriti Pembelajaran Sepanjang Hayat Kecemerlangan
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<ul style="list-style-type: none"> • Kelab Hijau • Kelab ICT • Pengakap Lynx • Seni Persembahan • Pasukan Sukan • Seni Visual
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan Seni Persembahan Super Trouper menginspirasi para pelajar agar membangunkan kebolehan dan bakat mereka untuk menjadi anggota masyarakat yang aktif menyumbang. • Program Teman Eko mewujudkan kesedaran dalam kalangan kakitangan, pelajar, pihak berkepentingan dan rakan kongsi tentang pentingnya menghormati alam sekitar. • Program Sekolah-ke-Pekerjaan (S2W) menyediakan pengalaman pembelajaran yang sebenar untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan bagi mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan. • Program Peralihan memudahkan peralihan selepas sekolah yang berjaya melalui pembangunan Rancangan Peralihan Individu yang holistik.

MEMPERLUAS MINDA, MEREALISASI POTENSI

Program PATHS-Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan (CCE)

Program Sekolah Towner Gardens (TGS), PATHS (Menggalakkan Strategi Pemikiran Alternatif), sebuah program pembelajaran sosial-emosi, fokus kepada mengajar para pelajar mengawal emosi mereka sendiri melalui isyarat dan peraturan mudah. Pelajar diajar untuk mengenal pasti dan meluahkan perasaan dan memberikan pujian. Nilai-nilai seperti hormat-menghormati, tanggungjawab dan rasa sayang dikukuhkan lagi semasa perhimpunan sekolah yang dikendalikan oleh guru CCE dan duta pelajar. Pelajar juga dipuji di papan Pohon Baik Budi PATHS sebagai 'Mr dan Ms Responsible' dan 'Mr dan Ms Respect'.



Pelajar berkongsi pemahamannya tentang tanggungjawab



Semasa syif empat jamnya, Ain bekerja keras untuk melaksanakan tugasnya



Frederick tekun mencuci dan mengelap dulang makanan

Program Pengalaman Vokasional (VoX)

Program Pengalaman Vokasional (VoX) ialah program latihan akademik dan vokasional yang disesuaikan untuk pelajar berusia 17 dan 18 tahun. Program ini bertujuan untuk mewujudkan peluang bagi para pelajar mengambil bahagian dalam pengalaman kerja yang autentik semasa tahun persekolahan mereka supaya mereka dilengkapi dengan kemahiran yang dapat memberikan pekerjaan dan kekal bekerja dalam pasaran terbuka. Di samping kurikulum akademik dan latihan industri vokasional, terdapat penekanan yang kukuh terhadap latihan kemahiran insaniah dan kerja projek untuk mempertingkatkan pembelajaran dan latihan para pelajar.



MEMUPUK MINAT, MENEMUI BAKAT

Speech Takes Flight

Program Speech Takes Flight menyediakan platform bagi pelajar untuk mengasah keyakinan mereka dalam pengucapan awam. Pada akhir tahun, para pelajar mengambil bahagian dalam pertandingan Toastmaster, iaitu pertandingan pidato, yang diwakili oleh setiap pelajar dari setiap kelas untuk bersaing dengan rakan sebaya mereka dari peringkat yang sama. Beberapa orang pelajar telah dipilih sebagai Pengacara Majlis di samping guru mereka dalam acara sekolah. Pelajar TGS juga telah dipilih sebagai Penyampai Ucapan Perpisahan (Valedictorian) dan mewakili sekolah untuk menyampaikan ucapan mereka dalam Majlis Tamat Pengajian MINDS.

Pembentangan secara berkumpulan tentang kekuatan dan kebolehan pelajar



Pelajar peringkat menengah menyampaikan ucapannya dengan yakin

KEGIATAN KOKURIKULUM (CCA) MUZIK DAN PERGERAKAN – KOOL KIDZ

Kumpulan tarian, Kool Kidz, ialah sebahagian daripada CCA Muzik & Pergerakan. Meskipun pelajar dalam kumpulan ini mungkin menghadapi cabaran untuk menguasai rutin tarian disebabkan deria rasa muzik dan koordinasi tubuh mereka yang berbeza-beza, ketabahan, kerja berpasukan dan latihan yang kerap telah membawa hasil. Ini terbukti dengan tepuhan yang mereka terima dalam acara persembahan seperti Sukan Olimpik Istimewa Singapura, Pesta Belia Singapura, dan Perbarisan Ungu.



Anak saya suka dan gemar menari. Sekolah ini telah memberinya pelbagai peluang yang menjadikannya lebih berkeyakinan dan juga membolehkannya memperkenalkan bakatnya. Setiap kali dia belajar langkah tarian baru, dia akan berlatih di rumah. Menari membuatnya gembira dan sentiasa tersenyum.

– Petikan daripada seorang ibu

MENGINSPIRASI RASA INGIN TAHU DAN SUKA BELAJAR

Kekal Cergas & Sihat - Program Kecergasan1-3-5

Untuk menggalakkan budaya hidup sihat di TGS, Program Kecergasan 1-3-5 diperkenalkan pada tahun 2017 oleh Jabatan Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan. Program ini menggalakkan para pelajar dan guru untuk bersenam pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat. Setiap hari senaman yang berbeza akan dijalankan, iaitu Brain Gym, senaman menguatkan tubuh dan latihan ketahanan.



SYF di OneKM Mall



Pelajar melakukan senaman



Meneroka bentuk

Matematik Menerusi Permainan

Bermain ialah pendekatan semula jadi dalam pembelajaran. Ini merupakan kaedah yang berkesan untuk mengajar pelajar meneroka, menyiasat, mencipta semula dan memahami perkara baharu. Selain bermain secara bekerjasama, kuiz juga disertakan bagi menyokong pembelajaran. Bagi kebanyakan pelajar, mempelajari konsep Matematik merupakan sesuatu yang sukar dan menakutkan. Oleh itu, Jabatan Matematik dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Towner telah menyelidiki dan mencuba cara-cara yang berbeza yang mana permainan boleh digunakan untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih seronok dan menarik.



“Saya dapat nombor 3!”

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Charmaine Goh

Charmaine Goh telah bekerja di Ajisen Ramen sejak September 2015. Dia bermula dengan menyiapkan minuman sebagai pekerja di balik tabir dan secara beransur-ansur diberikan peluang untuk berinteraksi dengan tetamu di barisan hadapan. Charmaine kini membimbang pelanggan untuk menggunakan iPad untuk memesan makanan mereka, berkongsi tawaran promosi dengan mereka, menjawab pertanyaan mereka dan menghidangkan makanan mereka. Pengurusnya, Cik Sharon Ng, memujinya kerana kebolehannya melakukan pelbagai tugas dan mempunyai inisiatif untuk memberikan bantuan apabila diperlukan.



Wesley Tan

Selepas tamat persekolahan di TGS, Wesley Tan meneroka beberapa pekerjaan di pasaran terbuka sebelum dia bekerja di Queens Coffee Pte Ltd pada Mac 2016. Dia suka bekerja di sana kerana majikan dan rakan sekerjanya melayaninya dengan baik. Dia juga percaya bahawa memiliki sikap yang baik penting dan seseorang itu harus menghargai pekerjaannya kerana untuk mendapatkan pekerjaan tidak mudah.

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah MINDS - Towner Gardens
Laman Web Sekolah	minds.org.sg/TGS
Alamat	1B Lengkong Lima, Singapura 417557
Stesen MRT Terdekat	Stesen MRT Kembangan
Perkhidmatan Bas Berdekatan	Bas No. 2, 7, 24, 25, 26, 28, 30, 33, 42, 67, 854

Misi	Untuk menyediakan persekitaran pembelajaran bertenaga yang memberikan inspirasi kepada para pelajar untuk hidup berdikari dan bermasyarakat
Visi	Sekolah cemerlang yang mengutamakan setiap individu
Nilai-nilai	Keperibadian yang Kukuh Saling Menghormati Integriti Pembelajaran Sepanjang Hayat Kecemerlangan
Falsafah	Setiap individu mampu belajar dan memiliki potensi yang boleh dan harus dibangunkan.
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<ul style="list-style-type: none"> • Kelab Seni & Kraf • Kelab Perkebunan • Kelab ICT • Muzik & Pergerakan • Pengakap • Sukan • Kelab Rekreasi Sosial
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • PATHS-CCE ialah program pembelajaran berdasarkan kemahiran yang memberikan fokus kepada peningkatan pembangunan sosial dan emosi dan pembinaan perwatakan pelajar. • Program Pengalaman Vokasional (VoX) ialah program latihan akademik dan vokasional untuk pelajar peringkat sekolah menengah berusia 17 dan 18 tahun yang mempunyai kebolehan untuk bekerja pasaran terbuka. • Speech Takes Flight ialah program kemahiran berkomunikasi berdasarkan sekolah yang melibatkan para pelajar dari pelbagai kelas melakukan penyampaian lisan. • Estetika – Muzik & Pergerakan ialah program utama untuk mencari bakat dalam bidang muzik dan pergerakan dan mengasah kemahiran pelajar untuk persempahan awam.

PAPA MEMBACA

Membaca tidak semestinya dilakukan bersendirian - aktiviti ini akan lebih berkesan apabila ibu bapa membaca bersama anak mereka. Dilancarkan pada tahun 2016, program PAPA(Pupil And Parent) (Pelajar dan Ibu bapa) membaca menggalakkan ibu bapa supaya membaca bersama anak-anak mereka di rumah. Sementara anak tersebut diajar membaca teks asas dengan gambar di sekolah, ibu bapa mengukuhkan pembelajaran di rumah menerusi PAPA Membaca. Pada masa pelajar maju dalam bacaan mereka, tahap bahan bacaan yang lain diperkenalkan sebagai satu cara untuk meningkatkan literasi anak itu.



LATIHAN VOKASIONAL LANJUTAN

Mempersiapkan diri untuk dunia pekerjaan menjadi kurang menakutkan dengan sokongan jurulatih pekerjaan, guru dan ibu bapa. Pelajar Peringkat Sekolah Menengah Atas berusia 16 hingga 18 tahun mengukuhkan latihan vokasional mereka melalui pengalaman kerja dan latihan industri. Persekutuan yang autentik ini membolehkan pelajar mengasah kemahiran insaniah mereka dan stamina yang diperlukan untuk bekerja apabila mereka tamat persekolahan.

JAMUAN DATUK DAN NENEK

Untuk menghargai kebijaksanaan dan pengalaman generasi perintis merupakan tunggak program Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan di WGS. Dimulakan pada tahun 2016, Jamuan Datuk dan Neneh merupakan platform untuk pelajar peringkat menengah menyiapkan, menghidang dan berinteraksi dengan datuk dan neneh mereka sekurang-kurangnya sebulan sekali. Malahan, program ini telah berkembang untuk menyertakan juga warga emas di sekitar kawasan kejiranan. Melalui program ini, pelajar dapat membina keyakinan mereka untuk berkomunikasi dengan orang lain dan mempelajari nilai hormat-menghormati.



Pelajar menghidangkan makanan kepada tetamu khas (VIP)

Pelajar menyediakan makanan bersama neneh



PROGRAM PENYERAPAN

Untuk menggalakkan persekitaran sosial yang inklusif, pelajar sekolah rendah atas WGS dan pelajar Darjah Lima dan Enam Sekolah Rendah Chongfu mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sekolah bersama, seperti permainan, persembahan seni dan tarian dalam masa penggal persekolahan.

FAKTA MENARIK



Tembok Memanjat

Sekolah MINDS merupakan sekolah yang pertama memiliki kemudahan tembok memanjat ini pada tahun 2016. Dengan adanya kemudahan ini, pelajar dapat menguatkan tubuh, ketangkasan tangan, koordinasi mata dan tangan, dan juga keyakinan.



Bilik Gim

Diperkenalkan pada tahun 2017 untuk menangani masalah kegemukan dan stamina pelajar yang lemah. WGS berharap agar dapat meningkatkan kadar kegemukan di sekolah.



Hidroponik

WGS mempunyai sistem hidroponik yang menyediakan pelajar dengan satulagiplatformuntukpembelajaran sains dan memupuk nilai-nilai keduduan, tanggungjawab dan kerja berpasukan.

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Emeth Chua Jia Jun and Shania Kate Monsalve

Pada tahun 2017, Emeth Chua Jia Jun dan Shania Kate Monsalve telah berjaya mendapat pekerjaan yang disokong oleh SG Enable di Hospital Masyarakat Yishun (YCH). Sebagai sebahagian daripada Program Sekolah-ke-Pekerjaan (S2W), mereka berdua ditempatkan di YCH untuk latihan industri. Disokong oleh SG Enable, mereka kini merupakan kakitangan YCH. Ibu bapa mereka memainkan peranan penting untuk menyokong mereka semasa latihan industri dan bekerjasama dengan jurulatih pekerjaan mereka untuk meningkatkan lagi kemahiran mereka untuk pergi ke tempat kerja secara berdikari.



Emeth bekerja di bahagian mencuci pinggan mangkuk



Shania menyediakan cawan dan piring untuk pesakit berehat minum teh

Goh Jia Chun Shawn

Goh Jia Chun Shawn berjaya mendapat pekerjaan di Perusahaan Sosial W.E. selepas tempoh bekerja sambil belajar di syarikat tersebut berakhir. Jurulatih pekerjaannya membantunya mendapatkan peluang latihan industri semasa cuti sekolah dan dia menunjukkan prestasi yang cukup baik untuk mendapatkan pekerjaan di syarikat tersebut.



Shawn bekerja di Perusahaan Sosial W.E.

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah MINDS - Woodlands Gardens
Laman web Sekolah	minds.org.sg/WGS
Alamat	30 Woodlands Ring Road #01-01, Singapura 737883
Stesen MRT Terdekat	Stesen MRT Admiralty
Perkhidmatan Bas Berdekatan	904, 912, 912A, 913, 964, 965, 969
Misi	Untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang bertenaga yang menginspirasikan para pelajar untuk hidup berdikari dan bermasyarakat
Visi	Sekolah cemerlang yang mengutamakan setiap individu
Nilai-nilai	Keperibadian yang Kukuh Saling Menghormati Integriti Pembelajaran Sepanjang Hayat Kecemerlangan
Moto	Menjadi yang terbaik
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<ul style="list-style-type: none"> • Sports • Performing Arts • Visual Arts • Scouts • iTECH • Recreational Club (for Special Level)
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • <u>PaPa Membaca</u> ialah program membaca yang menggalakkan ibu bapa membaca bersama anak-anak mereka di rumah. • <u>Latihan Vokasional Lanjutan</u> (Untuk pelajar peringkat menengah) bertujuan untuk memperkuuh latihan vokasional mereka melalui pengalaman kerja dan latihan industri. • <u>Menjamu Datuk dan Nenek</u> ialah inisiatif Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan yang unik yang menggalakkan para pelajar untuk mempersiapkan diri dan berkhidmat serta berinteraksi dengan warga tua dalam masyarakat. • <u>Program Penyerapan</u> (Untuk pelajar peringkat rendah atas) menggalakkan interaksi dan kerjasama dengan pelajar dari Sekolah Chongfu.



PROGRAM SEKOLAH DAN LALUAN PENDIDIKAN

Sekolah Eden (ES) menyediakan pendidikan yang bermutu dan mesra autisme untuk kanak-kanak dan remaja yang mempunyai Gangguan Spektrum Autisme (ASD). Penyelidikan menunjukkan bahawa kemahiran hidup asas adalah penting untuk berdikari buat jangka panjang. Pengajaran akademik, kemahiran kehidupan harian, komunikasi sosial, kemahiran beriadah dan vokasional dijalankan oleh sekumpulan profesional terlatih yang berdedikasi. Dengan arahan yang teliti dan amalan berasaskan bukti, pelajar memperoleh kemahiran yang sesuai yang membolehkan mereka menyertai secara aktif dan bermakna di rumah dan dalam masyarakat.

Setiap pelajar mempunyai profil individu yang mendokumenkan kegemaran, minat, keperluan dan kekuatan mereka. Dengan maklumat ini, pelan pendidikan individu dibangunkan dan persekitaran kelas disusun untuk memenuhi keperluan pembelajaran para pelajar yang berbeza-beza.

Umumnya, pelajar dikumpulkan ke dalam dua laluan pendidikan:

Tahun Peringkat Sekolah Rendah (7 – 12 tahun)

Tumpuannya adalah kepada pengajaran kemahiran teras asas. Pelajar diletakkan dalam kelas berdasarkan keperluan pembelajaran mereka.

Tahun Peringkat Sekolah Menengah (13 – 18 tahun)

Kemahiran teras asas diamalkan dalam persekitaran vokasional dan masyarakat, sebagai persediaan untuk beralih ke alam pekerjaan atau pusat kegiatan siang hari.

Pelajar yang berpotensi untuk bekerja boleh mempelajari kemahiran teknikal dan insaniah untuk lokasi kerja dalam bidang Penyediaan Makanan, Pembersihan Alam Sekitar dan Pejabat.



Pasukan Pendidik di ES



Pelajar di lokasi kerja Penyediaan Makanan



PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT SEKOLAH EDEN

Zer Yinn ialah pelajar dalam Program Pembangunan Bakat ES. Didiagnosis dengan ASD pada usia tiga tahun, Zer Yinn bergelut dengan cabaran dalam berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang di sekelilingnya. Namun, melalui karya seninya, Zer Yinn bebas mengekspresikan diri dan mendedahkan pandangannya yang ceria terhadap kehidupan.

Mengetahui bahawa pelajar dengan ASD memerlukan pelbagai cara untuk meluahkan fikiran dan emosi mereka, ES memperkasa pelajar melalui Program Pembangunan Bakat yang meliputi pelbagai sukan dan seni.

Melalui lukisan, olahraga, berenang, boling dan muzik, ES memupuk bakat untuk membangunkan kemahiran dan sikap positif yang akan mempersiapkan mereka untuk kehidupan selepas sekolah.

Seperti Zer Yinn yang menunjukkan minat dalam bidang lukisan pada usia enam tahun dan mendapat sokongan dalam memupuk bakatnya, ramai pelajar lain juga diberikan peluang untuk memamerkan karya mereka dengan bangga sama ada di dalam sekolah atau kepada umum.



Projek Tahun Baru Cina 2018 di bawah Cabaran Presiden, karya seni Zer Yinn telah dipilih oleh Istana dan dicetak pada piring porselein



Perlumbaan Amazing Race di Melaka



Memberikan makan kepada haiwan di Perth

STEPPING OUT - INISIATIF PERJALANAN PEMBELAJARAN

Di ES, setiap kanak-kanak diberikan peluang untuk mengalami pelbagai Perjalanan Pembelajaran semasa tahun-tahun persekolahan mereka. Lantas, tema utama, 'Stepping Out' telah digunakan oleh sekolah untuk menggambarkan pelajar melangkah keluar ke kawasan yang tidak diketahui dan keluar dari zon selesa mereka.

Melalui rangka kerja yang sistematik, para pelajar memulakan lawatan tempatan, kem semalam dan darmawisata ke luar negara untuk tempoh yang berbeza-beza. Dari pengalaman sedemikian, pelajar membina komunikasi, kemahiran sosial dan keupayaan menyesuaikan diri yang lebih baik.

Sama ada belajar membuat kuih tradisional di Pulau Pinang, mendaki Tembok Besar Cina di Beijing atau memetik buah-buahan di Perth, para pelajar meraih pengalaman yang tidak dapat dilupakan dan lawatan sedemikian sering menjadi topik perbualan hangat walaupun lawatan tersebut sudah berakhir.

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Abundance Lim

Abundance Lim mendaftar diri di Eden pada tahun 2012 semasa dia berusia 13 tahun. Pada mulanya, dia mendapat kesukaran untuk menuruti tingkah laku yang dijangkaan sekolah dan tiba-tiba naik radang setiap hari secara tiba-tiba, termasuk memekik, menjerit dan menangis. Apabila dia berasa terganggu, dia juga akan membuang barang-barang di sekelilingnya dan memukul guru dan rakannya.

Namun, dengan bimbingan guru dan pasukan profesional sekolah, perlahan-lahan, Abundance berusaha untuk berubah, dan dapat mengawal dirinya dengan lebih baik.

Hari ini Abundance adalah seorang gadis ceria yang bermotivasi dan sentiasa bersedia membantu sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan. Dia menyertai program vokasional sekolah, mempelajari kemahiran Penyediaan Makanan; dan menunjukkan fokus dan stamina yang baik dalam kerjaya.

Abundance amat meminati lukisan dan seni kraftangan dan menunjukkan minat khusus dalam menghasilkan karya seni yang terperinci, terutama makanan dan benda-benda berkaitan dengan minatnya. Karya seninya, dilukis dan diwarnakan dengan menggunakan pena marker dan cat air, bertajuk "Changi Airport Night" memenangi hadiah kedua dalam Pertandingan Very Special Arts Singapore (VSA) SG50 2015.

Abundance merupakan salah seorang daripada dua pelajar yang menerima Anugerah Pelajar Contoh Lee Kuan Yew pada tahun 2017.

Setelah menamatkan persekolahan pada bulan Disember 2017, Abundance kini sedang menjalani latihan daya kerja di Pusat Daya Kerja dan Pekerjaan (E2C).



Abundance mencipta sebuah karya seni

Semua Yang Anda Lakukan

Kuhargai semua yang kaulakukan
Kau suka membantu dan penuh ihsan
Dari awal lagi kau di sisi untuk diri ini
Berdiri teguh bak pepohon bila aku bersedih
Kauberi tanpa henti, dengan hati yang luhur
Ikhlas kepada siapa lagi bantuan boleh dihulur
Keperibadianmu amat istimewa
Senyuman dan perhatian mewarnai pagi sentiasa
Semua yang kaulakukan kuhormati kupyaja
Engkau insan hebat, sentiasa mengagumkan
Dari lubuk hati, terima kasih kuucapkan
Sentuhanmu memberikan makna kepada kehidupan



Ibu melakukan aktiviti bermuhasabah bersama anaknya dengan bantuan guru

Nor'ashikeen, ibu Aqram dan Aqeel

Puisi ini ditulis oleh seorang ibu bapa yang mempunyai dua orang anak yang sedang menuntut di ES sebagai ucapan terima kasih kepada sekolah kerana mendidik anak-anaknya.

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah Eden
Laman Web Sekolah	edenschool.edu.sg
Alamat	101 Bukit Batok West Avenue 3 Singapura 659168
Stesen MRT Terdekat	MRT Bukit Batok
Perkhidmatan Bas Berdekatan	66, 157, 174, 174e, 178, 506
Misi	Untuk menyediakan pendidikan yang bermutu dan mesra autisme yang membawa kepada kehidupan yang bermakna, berdikari dan mempunyai harga diri.
Visi	Untuk menjadi sekolah vokasional pilihan, yang memaksimumkan potensi dan mutu hidup setiap pelajar dan kakitangan
Nilai-nilai	Perwatakan, Kecekapan, Keihsanan, Keyakinan, Sumbangan
Moto	Di Sini Potensi Dimaksimumkan
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	Seni Lukis, Boling, Papan Kekunci, Genderang, Kelab Membaca, Kelab Kecergasan, Gim, Ukulele, Loceng Tangan & Tone Chime
Program Utama	<p>Kami menyediakan persekitaran mesra autism yang membolehkan pembelajaran yang disokong oleh pedagogi autism berdasarkan bukti untuk semua peringkat pelajar.</p> <p>Pelajar di ES diajar tabiat bekerja yang kukuh dan belajar dalam persekitaran berstruktur yang menggalakkan penggunaan strategi autism utama seperti mengikut jadual, sistem kerja dan sokongan visual.</p> <p>Pendekatan seluruh sekolah “rancang, bersedia dan sokong” memastikan pelajar dapat mengambil bahagian dalam semua kegiatan sekolah, masyarakat dan luar negara secara bermakna.</p> <p>Pelibatan ibu bapa dalam menggunakan strategi autisme di rumah dan di dalam masyarakat penting dalam menggalakkan hasil mutu kehidupan yang baik untuk pelajar kami. Pelibatan dan latihan ibu bapa secara sistematik dijalankan sepanjang tahun.</p>



PROGRAM PEMBANGUNAN ARTIS (ADP)

Sokong Pendidikan Inklusif, Raikan Kebolehan

Dianugerahi Anugerah Inovasi MOE-NCSS, Program Pembangunan Artis (ADP) bertujuan untuk menemukan bakat seni pelajar dan mengembangkan potensi mereka. Dibimbing oleh jurulatih seni lukis profesional, pelajar seni mengambil bahagian dalam pameran seni lukis dan menerima royalti daripada hasil seni yang dijual. Ini membantu mereka dan keluarga mereka menyedari bahawa bakat, apabila disokong oleh tabiat kerja yang baik, akan memberi mereka peluang untuk memperoleh sumber pendapatan secara hormat.



Pameran "Seni untuk Autisme"
di Hotel The Fullerton



PS Kerjasama dengan Thermos

AKADEMI IT & SENI REKA (ITDA) MEMPERSIAPKAN PELAJAR MASA HADAPAN UNTUK ZAMAN DIGITAL

IT merupakan kurikulum teras untuk semua pelajar Pathlight, dan pelajaran dijalankan oleh pengamal industri. Kedudukannya sebagai "sekolah di dalam sekolah", Akademi IT & Seni Reka (ITDA) bertujuan untuk membangunkan sebuah generasi masyarakat ilmu yang boleh menjadi pemimpin teknologi masa hadapan yang diperkasa. Kurikulumnya merangkumi hasil pembelajaran dan pengalaman yang berikut:

Hasil Pembelajaran	5 Pengalaman Pembelajaran
<ol style="list-style-type: none"> 1. Literasi digital - Kecekapan dalam kemahiran, proses dan konvensyen ICT 2. Kreativiti - Keupayaan untuk menyelesaikan masalah dan menggabungkan penggunaan kemahiran ICT dan pemahaman estetika untuk mencipta dan menginovasi 3. Produktiviti - Keupayaan untuk menggunakan kemahiran ICT dalam kehidupan harian 4. Kesalinghubungan - Keupayaan untuk berkomunikasi dan bekerjasama dengan orang lain 	<p>Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membangun keupayaan menjana idea, kemahiran projek dan kreativiti dalam menggunakan alat dalam semua bidang • Pendedahan kepada konsep dan alat teknologi yang baharu muncul supaya bersedia untuk masa hadapan <ol style="list-style-type: none"> 1. Hello Technology 2. Hack Shack 3. Digital Media Studio 4. Game Zone 5. Fab Lab

Bagi Joshua Lim, seorang artis alumni, pelibatan dalam program ADP telah membolehkannya memupuk kemahiran serta tabiat kerja yang baik sebagai persediaan untuk memasuki institusi pengajian tinggi. Ibunya mengakui bahawa aktiviti ADP telah memperkasa anaknya untuk menjadi lebih yakin dan berdikari.

Pada tahun 2014, Program Pembangunan Kreatif telah dianugerahi Anugerah Inovasi MOE-NCSS kerana telah mencapai hasil positif dalam usaha mempertingkat cara pembelajaran para pelajar. Melalui penggunaan alat ICT, pelajar menemui cara baharu untuk menyalurkan kreativiti mereka dan menyampaikan idea-idea mereka.



Menggunakan alat ICT dan Sumber-sumber Pendidikan Lego untuk mencipta karya berbilang media mereka sendiri



PROJEK SATU

Membangunkan Pelajar secara Holistik

Bermula pada tahun 2015, "Project One" bertujuan untuk memberi para pelajar pengalaman dan pencapaian yang tidak dapat dilupakan untuk mendidik mereka secara holistik. Pelajar akan menikmati kurikulum yang diperkaya mendedahkan mereka kepada pengalaman yang pelbagai dalam lima bidang:

- Estetika
- Kognitif
- Moral
- Fizikal
- Sosio-emosi



Pelajar Menengah Empat mendayung kayak semasa Kem mereka

Visi "Project One" adalah untuk membolehkan para pelajar melalui sebanyak mungkin pengalaman 'pertama' dan penting dalam lima bidang ini sebelum mereka menamatkan persekolahan di Pathlight. Contoh-contoh termasuk belajar bermain satu alat muzik, menulis sebuah buku, menghadiri satu perkhemahan di dalam/luar negara, mengambil bahagian dalam satu acara sukan dan menyumbang kepada masyarakat melalui satu aktiviti.



Pelajar Menengah Empat menyertai Bengkel SG Secure Pasukan Kadet Pertahanan Awam Kebangsaan bersama pelajar dari Sekolah Menengah Chong Boon



Pelajar Menengah Satu melawat ORTO di Yishun bersama rakan-rakan mereka dari Sekolah Menengah Yio Chu Kang untuk pertandingan persahabatan memancing udang

KERJASAMA SEKOLAH MENENGAH SEKOLAH SATELIT

Model Integrasi Bertujuan "Yang terbaik daripada Kedua-dua Dunia"

Model Kerjasama Sekolah Satelit menggalakkan interaksi dalam empat peringkat integrasi: fizikal, akademik, sosial dan profesional.

Pelajar Pathlight menghadiri sekolah di Sekolah-sekolah Rakan Kerjasama setiap hari dan berinteraksi secara sosial dengan para pelajar mereka semasa waktu rehat dan acara sekolah atau kelas yang terpilih. Pelajar yang bersedia boleh dipilih untuk menyertai akademik bersepadu dengan pelajar aliran utama. Model ini menggalakkan integrasi yang bertujuan untuk mempersiapkan pelajar Pathlight bagi peralihan ke Institut Pengajian Tinggi dengan lebih baik. Integrasi ini juga membantu membina kesedaran dalam kalangan masyarakat aliran utama tentang orang yang mempunyai autisme, dan menggalakkan masyarakat yang lebih inklusif.

Ng Li Jie, pelajar kelas 2014 berkata, "Saya dapat peluang untuk mempelajari cara sekolah aliran utama berfungsi serta mengenali pelbagai perwatakan pelajar aliran utama. Mereka banyak bertanya soalan semasa pelajaran Matematik Asas atau Sains Gabungan, yang mana saya dapat agak menarik kerana ini menunjukkan bahawa mereka juga sangat tahu dan berminat untuk belajar."



INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Elliot Chia

Elliot Chia, 22 tahun, kini sedang memburu ijazah dalam seni digital dan animasi dari Institut Teknologi DigiPen Singapura. Dia mengakui bahawa pengalamannya di Pathlight telah menyumbang kepada pencapaiannya pada hari ini.

Semasa dia seorang pelajar, guru-gurunya menyedari minat dan bakatnya dalam seni visual dan dia ditempatkan di ADP. Dia berkata, "Menerusi ADP, saya berpeluang mengasah kemahiran artistik saya, memamerkan karya saya kepada orang ramai dan memupuk tabiat kerja yang baik. Sebagai ahli Kelab Infocomm (CCA) semasa persekolahan saya di Pathlight, saya menyertai ITDA sebagai pelatih pelajar latihan industri untuk memudahkan pelajaran semasa cuti sekolah, selepas tamat pengajian di Politeknik Singapura. Tanpa pengalaman yang berharga ini, saya tidak akan dapat meneruskan minat saya dalam bidang animasi pada hari ini."



Elliot Chia, ahli alumni PS

Abdul Quddus Iqbal Bin Johari

Abdul Quddus Iqbal Bin Johari, 23 tahun, adalah antara 41 orang pelajar perintis di Pathlight ketika sekolah itu dibuka pada tahun 2004. Berpindah dari sekolah aliran utama ke Pathlight pada usia 11 tahun merupakan satu keputusan yang sangat bermanfaat untuk Iqbal disebabkan strukturnya yang mesra autisme membantunya menghasilkan sesuatu yang terbaik. Dia menamatkan pengajian pada tahun 2010 dengan kelayakan GCE Peringkat 'N' dan maju ke ITE dan selanjutnya meraih NITEC dalam Latihan Kesihatan. Hari ini, beliau merupakan seorang pelatih dan jurulatih sukan yang diperakui, bekerja di PS sebagai pendidik bersekutu bagi menyokong pembelajaran dalam Pendidikan Jasmani.



Abdul Quddus Iqbal Johari,
ahli alumni PS

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah Pathlight	
Laman Web Sekolah	pathlight.org.sg	
Misi	<p>Pathlight ialah sekolah yang memberikan tumpuan pada autisme yang pertama di Singapura yang menawarkan kurikulum akademik aliran utama, serta kemahiran kesediaan hidup bagi pelajar-pelajar autistime</p> <p>Misi Sekolah adalah untuk menyediakan perjalanan pembelajaran yang mampu membawa kepada perubahan dan memaksimumkan potensi setiap pelajar dalam bidang akademik dan kemahiran hidup.</p>	
Visi	Untuk menjadi suara dan contoh bagi sebuah masyarakat yang inklusif, bersemangat dan gemar belajar ke arah menuah kehidupan yang lebih baik	
Alamat	<p>Kampus 1 5 Ang Mo Kio Avenue 10, Singapura 569739</p> <p>Kampus 2 6 Ang Mo Kio Street 44, Singapura 569253</p>	
Stesen MRT Terdekat	<p>Ke kedua-dua kampus NS16 Ang Mo Kio → ambil khidmat bas 261 NS17 Bishan → ambil khidmat bas 55</p>	
Perkhidmatan Bas Berdekatan	<p>Ke kedua-dua kampus Ang Mo Kio Ave 10: 45, 55, 261 Ang Mo Kio Ave 3: 25, 55, 73, 74, 76, 132, 165, 268, 74E</p>	
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<p>Sekolah Rendah Kelab Balapan & Padang Kelab Menari Kelab Teater Koir Pancaragam Sekolah Pathlight Kelab Infocomm</p>	<p>Sekolah Menengah & Laluan Vokasional Animasi Pengekodan Pelari Pathlight Koir Belia Pathlight Kelab Seni Persembahan Fotografi Robotik STEM Kelab Seni Visual Kumpulan Muzik Kelab Sukan Pengakap Videografi</p>
Program Utama	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program Pembangunan Seniman 2. Akademi IT & Seni Reka 3. Projek One 4. Kerjasama Sekolah Satelit 	





PASUKAN MERENTASI DISIPLIN

Sekolah Autisme St Andrew's (SAAS) mengambil pendekatan merentasi disiplin dalam menangani keperluan deria dan pengawalan pelajar. Pakar psikologi, ahli terapi pekerjaan, ahli terapi pertuturan dan ahli terapi muzik menawarkan sokongan profesional dalam meningkatkan pembelajaran pelajar dan memenuhi matlamat pendidikan individu pelajar. Pekerja sosial dan pakar psikologi juga bekerjasama dengan Kumpulan Sokongan Ibu Bapa untuk memberikan bimbingan, latihan dan sokongan kepada ahli keluarga dan penjaga.

PERALIHAN BERSTRUKTUR

Semua pelajar akan menjalani rancangan peralihan berstruktur, bermula pada usia 13 tahun untuk persiapan yang secukupnya agar mereka dapat menjalani kehidupan yang baik selepas mereka menjangkau usia 18 tahun. Program Sekolah-ke-Pekerjaan (S2W), dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga, dan SG Enable, menawarkan lebih banyak latihan dan sokongan untuk para belia yang mampu bekerja.

PROGRAM BERSEPADU

Seni ekspresif, pendidikan jasmani yang adaptif serta Kegiatan Kokurikulum meningkatkan perkembangan para pelajar secara holistik. Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan dan Teknologi Komunikasi Maklumat yang disepadukan dalam semua bidang pembelajaran memaksimumkan hasil pembelajaran. Di dalam pembelajaran rujukan masyarakat, pelajar berlatih kemahiran akademik fungsional, sosial dan komunikasi untuk kehidupan harian di samping mempelajari cara-cara menggunakan kemahiran umum dan keyakinan untuk memupuk semangat berdikari, autonomi dan harga diri.



SEMUA BERSEDIA

Hari Kesedaran Autisme Sedunia

Para pelajar SAAS telah terlibat dalam sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia di Singapura sejak penubuhan kempen ini pada tahun 2012. Pameran awam ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang autisme serta meraikan kebolehan dan kemahiran orang autisme yang sering tidak diberikan perhatian. Platform ini menyediakan peluang bagi individu yang hidup dengan autisme untuk diterima dengan mesra menerusi acara-acara masyarakat. Para pelajar dan guru telah terlibat dalam persembahan, tarian beramai-ramai, lawatan di kejiraninan, rumah terbuka dan aktiviti kesedaran awam.

Acara Amal Berjalan kaki 'Walk for Rice'

Pelajar SAAS belajar untuk menyumbang semula kepada masyarakat dengan mengambil bahagian dalam usaha Walk for Rice untuk mengumpulkan dana bagi menyumbangkan beras kepada keluarga miskin di Kawasan Tenggara. Perjalanan setiap hari sebelum ke sekolah disesuaikan untuk menyumbang kepada usaha yang berharga ini.



Pelajar gembira di luar negara - yang pertama kali bagi ramai pelajar bersama keluarga mereka.

Dunia nantikan kedatangan saya!

Disokong oleh ibu bapa dan ahli keluarga yang dilatih khas, para pelajar diberi peluang untuk menimba pengalaman di tempat-tempat dan masyarakat semasa darmawisata ke luar negara yang dianjurkan oleh Kumpulan Sokongan Ibu Bapa. Pelajar menerapkan kemahiran yang dipelajari di sekolah dan mengamalkannya di luar rumah dan bersama masyarakat yang tinggal berdekatan. Jadual dan struktur visual membantu mempersiapkan dan memperka pelajar agar berinteraksi dengan riang dan secara bermakna semasa perjalanan ini.



Mengumpul token untuk mendapatkan jarak terbanyak untuk mendermakan beras kepada keluarga yang memerlukan.



BENGKEL PEMBELAJARAN KEHIDUPAN

Tugas yang dilakukan secara kerap (memasang penutup bahagian hujung untuk membungkus barang elektronik) yang disediakan oleh program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat yang menyumbang, membolehkan pelajar peringkat menengah meraih pengalaman bekerja secara simulasi. Sehingga 5000 keping penutup bahagian hujung dipasang secara mahir setiap tiga minggu. Pelajar mempelajari tingkah laku kerja yang sesuai, membina tahap kepantasan kerja yang lebih mantap dan menunjukkan hasil yang bermutu.



Bekerja di Bengkel Kehidupan dan Pembelajaran

DI DALAM KAFETERIA WARNA

Bekerja secara berpasukan menggalakkan pelajar peringkat menengah memainkan peranan dan memikul tanggungjawab dalam pembungkusan makanan dan mengendalikan mesin juruwang, berinteraksi dengan teman sekolah dan rakan-rakan mereka sambil menghidangkan makanan ringan dan minuman. Mereka mempelajari kemahiran kesediaan untuk bekerja dan membangunkan minat dan keyakinan bagi peluang vokasional pada masa hadapan. Teman sekolah rendah berpeluang untuk berlatih kemahiran mereka mengurus wang sebelum mereka menyertai masyarakat.



Di kafeteria



Edibles@Elliot



EDIBLES @ ELLIOT

Persekitaran semula jadi yang tenang untuk dinikmati dan dihargai para pelajar dan kakitangan sekolah - kebun kami dipenuhi pokok buah-buahan dan taman pelbagai jenis herba dan sayur-sayuran. Pelajar belajar dan mengamalkan pelbagai aktiviti hortikultur seperti menyiram, menanam, menuai, membaja dan membuat kompos di kebun kami.





INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Liu Kai En

Selepas berdialog dengan ibu bapa tentang Rancangan Kehidupan, Pembelajaran, Pencapaian Pekerjaan dan Peralihan SPED, keluarga Kai En memulakan pelan tindakan untuk mengukuhkan dan melanjutkan pembelajarannya dalam bidang seperti hortikultur/penuaian, pengemasan bilik, berbelanja keperluan dapur, kemahiran memasak, kemahiran pejabat, mendandan haiwan peliharaan dan mandi secara berdikari. Amat mengharukan melihat beliau menyiram pokok cili kesayangannya dengan gembira, memotong cili yang sudah masak dengan mahir dan menikmati hasilnya dalam mi sup yang disediakannya. Dia juga menukar sarung bantal dan cadar katil serta mengemop dan membersihkan biliknya dengan sabar. Telly, anjing terapi, berkunjung setiap minggu dan Kai En telah belajar untuk mendandan Telly dan membawanya berjalan dengan penuh tanggungjawab. Tidak syak lagi bahawa Kai En akan terus mencapai kejayaan dengan sokongan yang berterusan dan kesabaran.



Jeon Joon Hyeong

Pada usia 13 tahun, Joon Hyeong hanya boleh berkata "Tidak! Saya tidak mahu!" dan sering meragam, menendang guru dan untuk merawat masalah rasa cemas beliau, dia harus mengambil ubat selama dua tahun. Namun, pada usia 19, Joon Hyeong kini ialah seorang perekar barang kemas yang mahir! Dia menjalani penilaian kesediaan untuk bekerja yang ketat dan menerima banyak sokongan daripada ibunya yang telah menggalakkannya agar tabah. Joon Hyeong diberi peluang untuk menjalani sesi persediaan sebelum bekerja untuk meningkatkan kemahiran insaniahnya. Kemajuan Joon Hyeong telah dapat dicapai dengan sumbangan guru-gurunya yang sabar.



Hadi dijaga dengan baik dengan bimbingan dan keihsanan oleh guru dan sekolahnya. Dia telah mempelajari banyak kemahiran hidup

dan sosial dan menunjukkan perkembangan yang membanggakan.

— Ibu kepada Hadi yang berusia 12 tahun



Dalam Latihan AAC untuk Penjaga, saya belajar tentang pentingnya membiarkan anak saya membuat permintaan walaupun kami tahu apa yang diperlukan olehnya. Saya menghargai kit latihan di rumah yang berguna untuk latihan praktikal di rumah.

— Bapa kepada Karthik yang berusia 15 tahun



Sam telah mencuba bermacam-macam buah-buahan dan makanan yang sebelum ini enggan dicubanya. Perkembangan ini agak meringankan beban kami! Dia juga mempunyai kawalan diri yang lebih baik setiap kali kami membawanya keluar dan tidak meragam di tempat awam. Tahniah dan ribuan terima kasih kepada guru-guru kelasnya.

– Ibu bapa Sam yang berusia 15 tahun



Kami suka perkhemahan sekolah. Kami suka anjing. Mereka melakukan silap mata dan kami mengambil foto bersama mereka. Kami juga suka membuat kad bod patung saiz besar tentang pekerjaan pekerjaan yang berlainan.

– Tiga orang murid lelaki Peringkat Sekolah Rendah berusia sembilan hingga 11 tahun menerangkan tentang Kem Sekolah 2016 (bertemakan Pekerjaan)

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah Autism St. Andrew's
Laman Web Sekolah	saac.org.sg
Misi	Melibatkan pelajar. Guru yang memberikan inspirasi. Meningkatkan potensi.
Visi	Sekolah cemerlang, memupuk komuniti pelajar dan guru yang riang.
Alamat	1 Elliot Road, Singapura 458686
Stesen MRT Terdekat	Stesen MRT Bedok
Perkhidmatan Bas Berdekatan	16, 31, 197, 10, 12, 14
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<ul style="list-style-type: none"> • Akuatik • Olahraga • Permainan Bola • Kelab Tanah Liat • Kelab Komputer • Memasak • Tarian • Drama • Kelab Kesihatan • Berkebun • Lego • Muzik • Kelab Sains • Pengakap • Lompat Tali
Program Utama	SAAS percaya bahawa setiap murid penting dan setiap murid boleh belajar. SAAS memberikan tumpuan pada pembelajaran berpusatkan murid, dan penggunaan pendekatan dan pedagogi yang mesra Gangguan Spektrum Autisme (ASD) dan berusaha untuk bekerjasama dengan ibu bapa bagi mencapai hasil yang terbaik untuk anak-anak mereka.



BELAJAR MELALUI TEKNOLOGI

Tidak gentar dengan peralatan elektronik, pelajar di Sekolah AWWA mahir menggunakan iPad, skrin sentuh interaktif dan realiti maya di bilik darjah mereka. Alat dan peranti bantuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) canggih ini memperkasa para pelajar dan mempertingkat pembelajaran dan komunikasi mereka dengan orang lain. Alat seperti Magic Carpet dan Eye Gaze digunakan secara lancar dalam terapi integrasi deria untuk membina kemahiran motor dan koordinasi tangan dan mata pelajar. Lebih penting lagi, pembelajaran melalui ICT sangar interaktif dan mengasah kemahiran sosial dan kerja berpasukan para pelajar.



Memimpin ikrar menggunakan proloquo2go



Bersosial di atas Permaidani Ajai



Menggunakan Eye Gaze untuk berkomunikasi



Membuat topeng semasa pelajaran bahasa



Sesi bercerita di Perpustakaan Mainan AWWA



Mempelajari bahasa melalui buku cerita

BUKAN SEKADAR MEMBACA

Pelajaran bahasa di Sekolah AWWA biasanya meriah dengan lagu, tarian dan persembahan boneka. Selain membaca Buku Besar dan menyertai program seperti Adapted kidsRead dan Keylinks Guided Reading, para pelajar ghairah mempelajari bahasa melalui aktiviti-aktiviti bertema yang mungkin menggabungkan aspek kehidupan harian dengan lawatan ke kawasan kejiranan dan tempat-tempat menarik di Singapura. Pembelajaran dalam persekitaran yang autentik menjadikan bahasa lebih seronok dan dapat difahami oleh pelajar.



Pelajaran bahasa seronok dan interaktif kerana berlakunya komunikasi lisan. Guru juga menggunakan boneka, kesan visual, cerita dan kesan 3D yang sangat baik dan menarik.



*— Encik Teo Wee Kiat,
bapa kepada Teo Zi Yee, pelajar yang berusia 10 tahun,*

SELURUH KAMPUNG DIPERLUKAN

Selain guru-guru yang berdedikasi, pelbagai jabatan menyokong pembelajaran dan kesejahteraan para pelajar di sekolah:

- Jabatan Terapi bekerjasama dan berkomunikasi dengan para guru, ahli terapi dan keluarga pelajar demi pembangunan kanak-kanak ini secara keseluruhan.
- Jabatan Kejururawatan menyediakan khidmat perubatan dan pergi-giandian bantuan pertolongan kecemasan yang mungkin timbul daripada aktiviti harian di sekolah.
- Jabatan Psikologi menjalankan penilaian formal dan informal atas keupayaan fungsi dan kognitif para pelajar bagi tujuan rujukan. Pelan intervensi individu juga dibangunkan untuk mengurus tingkah laku dan memaksimumkan pembelajaran.
- Jabatan Kerja Sosial membina daya tahan, sumber dan rangkaian keluarga melalui program sokongan, kaunseling dan rujukan.



Pelajar di terapi muzik



Sesi mengerat hubungan ibu bapa dan anak

KERJASAMA SATELIT

Dalam usaha untuk menggalakkan persekitaran sosial yang inklusif secara berkesan, Sekolah AWWA dan Sekolah Menengah Bowen telah menjadi rakan kerjasama satelit sejak 2012. Sejak itu, para pelajar dari kedua-dua buah sekolah telah menjalin persahabatan melalui aktiviti bersama seperti makan bersama pada waktu rehat, senaman pagi, Aktiviti Kokurikulum dan Majlis Memperingati Hari Kebangsaan bersama. Inisiatif saling bermanfaat ini membolehkan pelajar dari Bowen mempelajari nilai-nilai penting seperti rasa belas kasihan dan hormat. Pada masa yang sama, bagi Sekolah AWWA pula, menjadi rakan dan berinteraksi dengan pelajar aliran utama telah menggalakkan mereka untuk membina kemahiran dan tingkah laku sosial yang sesuai.

“ Ini merupakan satu kebanggaan dan penghormatan untuk mengetahui bahawa para pelajar saya telah memberikan kesan yang positif kepada kehidupan rakan-rakan mereka dari Bowen. ”

– Cik Hannah Fan, Ketua Pendidikan Jasmani, Sekolah AWWA.



Menghangatkan tubuh sebelum bermain bola sepak semasa senaman pagi



Bantu-membantu semasa latihan Kemahiran Hidup

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Nurshafiqah Bte Abdullah

Pada mulanya, Nurshafiqah, disahkan menghidap palsi serebral dan dijaga oleh keluarga besarnya, berasa segan dan tidak pasti akan kebolehannya ketika dia mula-mula dipindahkan ke Sekolah AWWA. Walau bagaimanapun, dia berjaya mengatasi cabaran peribadinya, sibuk dalam pengalaman pembelajaran dan berkembang menjadi seorang pemudi yang berkeyakinan. Dia menyertai Kegiatan kokurikulumnya Boccia, dengan bersungguh-sungguh, dan dipuji kerana semangat kesukanannya semasa pertandingan. Dia juga mencabar dirinya dan mengambil peranan sebagai seorang Pengacara Majlis untuk Rumah Terbuka sekolah pada tahun 2015. Setelah tamat pengajian, Nurshafiqah menyertai sebuah bengkel dan sejak itu belajar untuk berulang-alik secara berdikari ke tempat kerja.



SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah AWWA		
Laman Web Sekolah	awwa.org.sg		
Misi	Memaksimumkan potensi untuk berdikari dan memperbaiki mutu hidup pelajar berkeperluan khas.		
Visi	Untuk menyediakan para pelajar berkeperluan khas dengan pendidikan dan khidmat sokongan dalam persekitaran yang holistik dan terpelihara.		
Nilai-nilai	Penjagaan dan Keprihatinan, Tanggungjawab, Komitmen, Integriti, Kerja Berpasukan		
Alamat	11 Lorong Napiri, Singapura 547532		
Stesen MRT Terdekat	MRT Serangoon, MRT Ang Mo Kio dan MRT Hougang		
Perkhidmatan Bas Berdekatan	Khidmat Bas: 43, 70, 70M, 73, 103, 109, 156, 854		
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<p>Sukan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bola keranjang • Boccia • Gimnastik • Sepatu Roda • Bola sepak • Berenang • Padang & Balapan <p>Seni Persembahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Drama • Loceng Tangan • Pergerakan & Tarian • Genderang <p>Kelab</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelab Seni Lukis • Kelab Usahawan • Kelab Hijau • Kelab ICT • Kelab Pengembalaan Luar • Kelab Sains <p>Kumpulan Seragam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengakap Kanak-kanak 		
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Program Pendedahan Dunia Pekerjaan dan Pengalaman Kerja bertujuan untuk memberi para pelajar lebih banyak sokongan dan latihan awal bagi meningkatkan peluang selepas sekolah yang positif untuk mereka dan keluarga mereka. • Program CCA membolehkan para pelajar menemukan minat dan bakat mereka semasa membina nilai-nilai dan kecekapan melalui sukan, seni persembahan, kelab dan Pengakap Kanak-kanak. • ICT dan Teknologi Bantuan memperkasa pelajar, mempertingkat dan menambah nilai kepada pengajaran dan pembelajaran. 		

SEEDS CAFE DI RCMDS

Di Pusat Rainbow, Singapura, anda mungkin mendapati diri anda menghidu dan merasa, selain melihat karya seni kreatif oleh para pelajar kami.

Di Kafe Seeds, iaitu perusahaan sosial kami yang terletak di Pusat Rainbow – Sekolah Margaret Drive (RCMDS), keharuman kopi mengisi udara sambil pelajar berlatih untuk bekerja dalam industri F&B.

Pelajar tidak hanya menghidangkan secawan kopi - mereka menghidangkan hasil seni kopi.

Selain membuat kopi, mereka juga belajar mengemas meja di kafe dan khidmat pelanggan.

Dan, jangan bimbang jika anda bukan penggemar kopi kerana para pelajar juga diajar cara membuat minuman coklat panas.



Pelajar Sri Raghavendra dengan ciptaan seni lattenya di Kafe Seeds

TERBENTUKNYA SEORANG KANAK-KANAK KERANA BANTUAN RAMAI ORANG

Daripada pekerja sosial kepada kumpulan sokongan, ibu bapa di RCMDS boleh menerima bimbingan dan bantuan dalam membesarakan anak-anak mereka yang kurang upaya.

Program Khidmat Kehidupan Keluarga kami menganjurkan khidmat sokongan seperti Kumpulan Sokongan Ibu Bapa Pillars, sebuah Kumpulan Sokongan Berbahasa Mandarin, sebuah Kumpulan Sokongan Berbahasa Melayu, Suara-Suara Para Bapa dan STARS (Adik-beradik yang Sangat Istimewa), yang semuanya menyediakan sumber-sumber, strategi atau juga sekadar mendengar keluhan keluarga.

Di samping itu, satu jawatankuasa ibu bapa (Pasukan Teras Ibu Bapa) dengan sokongan kepimpinan sekolah, menganjurkan ceramah, acara dan aktiviti untuk ibu bapa.



Adik-beradik para pelajar kami di Stars



PROGRAM BAKAT SENI LUKIS DI CANVAS

Setelah anda membuat pilihan minuman, lihat di sekeliling kafe dan anda dapat melihat ungkapan kreatif yang lain daripada yang lain oleh pelajar kami.

Pelajar Noah Tan dengan karya lukisannya, The Face & I



Berpusat di Canvas, studio dan galeri seni baharu di kampus Margaret Drive kami, Program Bakat Seni Lukis serata Pusat Rainbow ini dikhaskan untuk pelajar berusia 17-18 tahun yang berbakat dalam seni visual.

Melalui bimbingan seorang mentor dan pendedahan kepada pelbagai gaya seni, para pelajar kami membina kemahiran meningkatkan peluang pekerjaan mereka melibatkan diri dalam kerja-kerja seni. Selain Kafe Seeds, pelajar kami juga berpeluang memperkenalkan karya seni mereka dalam pameran kerja seni.



AYUH BERSUKAN!

Ada kalanya, agak mencabar untuk membuat para pelajar kami menyukai sukan tetapi jawatankuasa sukan kami telah berjaya merangsang mereka secara perlahan-lahan melalui aktiviti jasmani di sekolah, aktiviti masyarakat dan aktiviti yang melibatkan ibu bapa.

Pelajaran Pendidikan Jasmani biasa dipandu oleh rangka kerja yang fokus kepada kebolehan pelajar daripada pelbagai peringkat usia dan merangkumi pelbagai cabaran yang menyeronokkan, seperti bersepatu roda dan olahraga.

Pelajar kami juga mengambil bahagian dalam pelbagai acara sukan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Kurang Upaya Singapura, sekolah aliran utama dan Sukan Olimpik Istimewa Singapura. Satu contoh ialah penyertaan dalam Pertandingan Bola keranjang Bersatu.

Acara-acara ini menawarkan banyak peluang berinteraksi dan integrasi untuk para pelajar kami dan juga pelajar dari sekolah-sekolah lain bagi menggalakkan pembangunan holistik.

Ibu bapa dan ahli keluarga juga digalakkan untuk menyertai acara-acara seperti Maraton Ekiden untuk menggalakkan keluarga mengerat hubungan melalui sukan.

Satu inisiatif baharu ialah program iWin, yang mana pelajar dengan BMI yang tinggi telah dipilih untuk mengikuti program menurunkan berat badan yang dinilai. Ciri-ciri utama program ini menggabungkan pemakanan sihat dengan senaman dan melibatkan keluarga pelajar sebagai sebahagian prosesnya.

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Noah Tan Kai

Noah telah bersama RCMDS sejak usia lima tahun. Pada mulanya, dia menunjukkan perhatian bersama yang minimal dan akan memamerkan kelakuan yang mengganggu pembelajarannya. Melalui persekitaran yang lebih berstruktur yang konsisten dan kejelasan, Noah menjadi lebih tenang semasa aktiviti harian.

Kini, Noah merupakan seorang pemuda yang boleh mengawal emosinya dengan lebih baik. Kerjasama rapat dengan ibunya juga penting dalam perkembangan pertuturnya dan kini dia dapat menyatakan keinginannya.



Noah menyampaikan tanda penghargaan kepada seorang wakil di acara Lelongan Lukisan Deloitte's



Noah (di sebelah Perdana Menteri Lee Hsien Loong) dalam acara mengumpul dana

Walaupun Noah memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baharu atau bersedia untuk mengendalikan barang-barang yang tidak dikenalnya disebabkan oleh sensitiviti kepada sentuhan, dia kini mengembangkan minat dan bakatnya dalam seni lukis, meskipun bergelut dengan masalah deria yang dihadapi.

Malahan, Noah telah mengambil bahagian dalam pelbagai pameran dan lelongan seni lukis di mana dia menyumbangkan hasil seni lukisnya. Dia adalah sebahagian daripada Program Bakat Seni Lukis kami di Pusat Rainbow.

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah Sekolah	Rainbow Centre - Margaret Drive School
Laman Web Sekolah	rainbowcentre.org.sg
Alamat	501 Margaret Drive, Singapura 149306
Stesen MRT Terdekat	Stesen Queenstown
Perkhidmatan Bas Berdekatan	32 dan 122
Misi	<p>Untuk meningkatkan mutu kehidupan orang kurang upaya dan keluarga mereka dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan program dan perkhidmatan yang berpusat kepada orang untuk membolehkan mereka mencapai potensi mereka yang sepenuhnya; Menerajui inovasi dan membangun keupayaan yang lebih menyokong keperluan dan aspirasi mereka; Menggalakkan dan melibatkan rakan kongsi dan orang ramai dalam kerjasama mencipta sebuah masyarakat yang inklusif.

Visi	Tidak Terhalang oleh Kekurangan Upaya: Berdaya dan Berkembang Maju dalam Masyarakat yang Inklusif.
Nilai-nilai	Kami menghormati nilai intrinsik dan unik setiap individu, dan berkhidmat dengan belas kasihan dan dedikasi untuk menemukan, membina dan meraikan keupayaan setiap pelajar. Kami bertindak dengan integriti dan mencapai kejayaan menerusi sinergi kerja berpasukan antara kakitangan, keluarga, dan masyarakat yang menyokong misi kami. Kami memburu inovasi untuk mencapai kecemerlangan dalam khidmat untuk orang kurang upaya, untuk memaksimumkan potensi dan mewujudkan peluang untuk berkembang maju dalam masyarakat.
Moto	Berdaya. Disertakan. Berkembang Maju
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	CCA kami terbahagi kepada tiga bidang utama - sukan, seni (seni persembahan dan visual) dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Aktiviti termasuk: <ul style="list-style-type: none">• Gim• Manjat Tembok Batu• Kayaking• Lukisan Batik• Seni 2D• Loceng Tangan• Drama• Membuat tanah liat• Tarian Penerokaan• Robotik
Program Utama	<ul style="list-style-type: none">• Program Peringkat Sekolah Rendah untuk pelajar berusia 7-10 tahun bertujuan membantu para pelajar pelajari bagaimana untuk belajar, dan mengakses pembelajaran.• Program Peringkat Pertengahan untuk pelajar berusia 11-14 tahun bertujuan untuk pelajar mengalami, memahami dan berfungsi dalam masyarakat yang lebih luas. Pelajar akan menyertai pelbagai kegiatan untuk menemukan minat, kekuatan dan kegemaran mereka.• Program Peringkat Sekolah Menengah untuk pelajar berusia 15-18 tahun bertujuan mempersiapkan para pelajar untuk peralihan ke peringkat dewasa. Program ini fokus untuk membantu pelajar untuk membentuk identiti keupayaan untuk mengawal diri serta membina sikap saling bergantung dengan masyarakat.• Khidmat Terapi sedang beralih ke arah merentasi disiplin, menggalak perbincangan yang lebih mendalam dan perancangan khidmat yang lebih holistik untuk para pelajar kami.• Program Kepimpinan Pelajar sekolah menyediakan peluang untuk membina perwatakan. Pemimpin pelajar dilatih dalam kemahiran seperti pengucapan awam untuk mengacarakan acara sekolah, dan juga diajarkan nilai-nilai teras untuk menjadi contoh kepada semua.



Guru dan Profesional Bersekutu melibatkan pelajar menerusi pelbagai aktiviti pembelajaran

Untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang autentik kepada para pelajar dalam program Peringkat Menengah, sekolah telah membina Kebun di Dalam Taman (latihan dalam berkebun dan landskap), di dalam kawasan sekolah, Bengkel RCYPS (latihan dalam kraftangan, pemasangan, pembungkusan dan perkhidmatan runcit), Dapur Rainbow (latihan dalam perkhidmatan makanan dan minuman) dan Laundromat RCYPS (latihan dalam perkhidmatan dobi).



Pelajar mengikuti latihan vokasional berdasarkan sekolah di Dapur Rainbow



Pelajar Program Peringkat Menengah

SEEDS CAFÉ DI MARGARET DRIVE

Program Persiapan Kerja (WPP) telah dilaksanakan untuk pelajar berusia 17 hingga 18 tahun yang berpotensi tinggi untuk latihan vokasional. Program ini menyediakan dua peluang latihan industri selama dua tahun dengan bimbingan di tempat kerja untuk pelajar mempelajari kemahiran yang diperlukan di lokasi kerja. Seeds Cafe di kampus Margaret Drive ialah salah satu lokasi kerja ini.

Faisal Abdullah Afendoulis menjalani latihan vokasional di Seeds Cafe

PROGRAM BAKAT SENI LUKIS CANVAS



Berpusat di Canvas, studio dan galeri seni baru di kampus Margaret Drive, program serata Pusat Rainbow ini dikhususkan untuk pelajar berusia 17-18 tahun yang berkaitan dalam seni visual. Melalui bimbingan dan pendedahan kepada pelbagai gaya seni, para pelajar kami membina kemahiran untuk peluang kerja dan penglibatan yang berkaitan dengan seni.

Muhd Danial Isaac yang terpilih untuk mendaftar dalam Program Bakat Lukisan, telah mereka bentuk kad EZ-Link Ulang Tahun RC yang ke-30.



Yazid, guru Lukisan berinteraksi dengan Tilak dalam salah satu sesi lukisan

MYSPACE

Di MySpace, Hab Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sehenti RCYPS, pelajar dari pelbagai kebolehan boleh menyertai pembelajaran interaktif dan belajar teknologi terkini. Pelajar melakukan latihan dalam numerasi, literasi dan kemahiran sosio-emosi secara individu atau berkumpulan dengan menggunakan komputer riba atau iPad.

Pelbagai peranti Teknologi Bantuan membolehkan pelajar dengan kekurangan upaya fizikal atau kognitif menggunakan perisian di komputer dengan mudah. Pengajaran dan pembelajaran yang interaktif dapat dilakukan dengan peralatan media yang canggih, termasuk monitor skrin sentuh dan projektor lantai yang responsif pergerakan dengan penjejak mata.



DAPUR RAINBOW - YPS



Dapur Rainbow telah ditubuhkan untuk latihan vokasional dalam bidang Makanan dan Minuman. Kawasan belajar ini mempunyai peralatan perindustrian termasuk alat untuk membuat roti dan kek, sebuah ketuhar perindustrian dan mesin pencuci pinggan mangkuk. Pelajar di sini dilatih dengan peralatan yang juga boleh didapati di banyak dapur-dapur komersil supaya mereka dapat merasakan persekitaran yang realistik di mana mereka boleh mengasah kemahiran mereka.

INDIVIDU-INDIVIDU YANG CEMERLANG

Harish s/o Ganesan

Apabila Harish memasuki RCYPS pada tahun 2008, dia sering berasa cemas, tegang dan sering mengambil makanan bergula untuk mengawal dirinya. Dengan pengajaran yang berstruktur, pembelajaran berdasarkan pengalaman, pendedahan yang berterusan kepada acara-acara masyarakat dan sokongan yang kuat dari keluarganya, Harish telah berkembang menjadi seorang pelajar contoh untuk rakan sebaya dan menjadi inspirasi kepada kakitangan RCYPS. Harish telah menjadi pemimpin pelajar di RCYPS sejak 2012 dan telah memberi inspirasi kepada pemimpin pelajar yang lain melalui perwatakannya yang menyenangkan dan kemahiran kepimpinannya.



Melalui jurnal dan berkongsi perasaan dan muhasabah diri bersama guru dan rakan sebaya, Harish telah belajar untuk mengurus dan mengawal emosinya dengan lebih baik.



Pada tahun 2015, Harish ialah antara pelajar kumpulan pertama RCYPS yang terpilih untuk mengambil bahagian dalam pengalaman kerja dan latihan industri sekolahnya yang pertama di dalam masyarakat. Selepas beberapa tahun menjalani latihan runcit di sekolah, dia kini berupaya membantu dalam operasi kedai runcit yang menjual snek dan makanan ringan. Melalui pendedahan ini, dia dapat mengatasi rasa malu dan cemas. Harish juga berpeluang untuk mengembangkan lagi kemahiran peruncitannya di ABLE Studio, sebuah farmasi di Hospital Khoo Teck Puat.



Dalam pengalaman pembelajarannya yang kedua di pasar raya Giant Express pada tahun 2016, dia telah membuat Pengurus Sumber Manusia di situ kagum dan syarikat tersebut memutuskan untuk menjemput RC menyertai program latihan industri mereka.

Pada tahun 2017, Harish menjadi antara pelajar pertama di RC untuk mencapai pensijilan makanan dan kebersihan. Dia juga telah diberikan Anugerah Pelajar Contoh Lee Kuan Yew.

SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Pusat Rainbow – Sekolah Yishun Park
Laman Web Sekolah	rainbowcentre.org.sg
Alamat	15 Yishun Street 61, Singapura 768548
Stesen MRT Terdekat	Stesen Khatib
Perkhidmatan Bas Berdekatan	812
Misi	<p>Kami komited untuk meningkatkan mutu kehidupan orang kurang upaya dan keluarga mereka dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan program dan perkhidmatan yang berpusat kepada orang untuk membolehkan mereka mencapai potensi mereka yang sepenuhnya; • Menerajui inovasi dan membangun keupayaan yang lebih menyokong keperluan dan aspirasi mereka; • Menggalakkan dan melibatkan rakan kongsi dan orang ramai untuk bersama mencipta sebuah masyarakat yang inklusif.

Visi	Tidak Terhalang oleh Kekurangan Upaya: Berdaya dan Berkembang Maju dalam Masyarakat yang Inklusif.
Nilai-nilai	Kami menghormati nilai intrinsik dan unik setiap individu, dan berkhidmat dengan belas kasihan dan dedikasi untuk menemukan, membina dan meraikan keupayaan setiap pelajar. Kami bertindak dengan integriti dan mencapai kejayaan menerusi sinergi kerja berpasukan antara kakitangan, keluarga, dan masyarakat yang menyokong misi kami. Kami memburu inovasi untuk mencapai kecemerlangan dalam khidmat untuk orang kurang upaya, untuk memaksimumkan potensi dan mewujudkan peluang untuk berkembang maju dalam masyarakat.
Moto	Berdaya. Inklusif. Berkembang Maju
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	CCA kami terbahagi kepada tiga bidang utama - sukan, seni (seni persembahan dan visual) dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Aktiviti termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • Gim • Memenjat Tembok Batu • Kayaking • Lukisan Batik • Seni 2D • Loceng Tangan • Drama • Membuat tanah liat • Tarian Penerokaan • Robotik
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Program Peringkat Sekolah Rendah untuk pelajar berusia 7-10 tahun bertujuan membantu para pelajar cara untuk belajar, dan mengakses pembelajaran. • Program Peringkat Pertengahan untuk pelajar berusia 11-14 tahun bertujuan untuk pelajar mengalami, memahami dan berfungsi dalam masyarakat yang lebih luas. Pelajar akan menyertai pelbagai kegiatan untuk menemukan minat, kekuatan dan kegemaran mereka. • Program Peringkat Sekolah Menengah untuk pelajar berusia 15-18 tahun bertujuan mempersiapkan para pelajar untuk peralihan ke peringkat dewasa. Program ini fokus untuk membantu pelajar membentuk identiti dan agensi peribadi mereka serta membina sikap saling bergantung dengan masyarakat. • Khidmat Terapi sedang beralih ke arah merentasi disiplin, menggalak perbincangan yang lebih mendalam dan perancangan khidmat yang lebih holistik untuk para pelajar kami. • Program Kepimpinan Pelajar sekolah menyediakan peluang untuk membina perwatakan. Pemimpin pelajar dilatih dalam kemahiran seperti pengucapan awam untuk mengacarakan acara sekolah, dan juga diajarkan nilai-nilai teras untuk menjadi contoh kepada semua.

SATU SEKOLAH MEMENUHI PELBAGAI KEPERLUAN

Sekolah Persekutuan Palsi Serebral Singapura (CPASS) berusaha untuk memastikan bahawa setiap pelajar yang memasuki pintu sekolahnya berpeluang untuk hidup secara bermakna, belajar dan bekerja secara produktif. Oleh itu, sekolah ini mempunyai tiga program pendidikan: Sokongan Tinggi, Sokongan Kegiatan Kehidupan Harian dan Program Akademik.

Program Sokongan Tinggi membantu para pelajar dengan keperluan sokongan yang sederhana dan tinggi dalam semua aspek kehidupan harian dan pembelajaran mereka. Pelajar ini memerlukan lebih banyak bantuan dalam mobiliti, kemahiran motor halus, bantu diridan pembelajaran; dan akan mengikuti pelajaran yang menggalakkan kesejahteraan mereka.

Program Kegiatan Kehidupan Harian dikhurasukan untuk para pelajar dengan keperluan sokongan ringan hingga sederhana dalam kebanyakan bidang kehidupan harian dan pembelajaran mereka. Pada peringkat sekolah menengah, pelajar mempelajari kemahiran pravokasional yang akan menyokong pembelajaran mereka dalam bidang vokasional.

Program Akademik adalah untuk para pelajar dengan keperluan sokongan ringan dalam kebanyakan bidang kehidupan harian dan pembelajaran mereka dan harus menunjukkan keupayaan untuk menangani cabaran kurikulum nasional. Di samping Rangka Kerja Kurikulum untuk Sekolah-sekolah SPED, beberapa orang pelajar mempunyai akses kepada kurikulum nasional untuk Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.



Tanpa mengira program pendidikan, CPASS memastikan bahawa setiap murid diperkasa untuk melakukan yang terbaik dalam hidupnya. Malahan, Puan Sulia, ibu kepada Nur Aleesa bte Abdullah (seorang pelajar di CPASS), menyatakan ini tentang sekolah tersebut, "Persekutaran yang baik dengan perkhidmatan terapi dan pendidikan yang baik!" Melalui CPASS, beliau tahu bahawa anak perempuannya diasuh dengan baik dan akan berkembang menjadi seorang yang lebih berkeyakinan.

MEMBERI PELAJAR KONTEKS PEMBELAJARAN YANG AUTENTIK

CPASS ialah sebuah sekolah yang tidak pernah berputus asa dengan para pelajarnya dan akan mencabar mereka untuk mencapai kejayaan yang seterusnya. Dengan kepercayaan tinggi dalam mempercaya pelajarnya untuk menimba pengetahuan dan pengalaman dunia sebenar, Projek Hari Permainan tahunan merupakan salah satu program yang dinantikan yang dianjurkan oleh sekolah. Setiap tahun, pelajar dari Program Kegiatan Kehidupan Harian Peringkat Sekolah Menengah memulakan satu projek untuk sama ada menjual produk buatan tangan atau membuat reruai permainan. Projek-projek ini mewujudkan kemeriahinan dan kegembiraan dalam kalangan para pelajarnya dan memperlihatkan ciri-ciri kreativiti dan inovasi setiap pelajar. Gambaran seorang individu yang berkeyakinan dan berdaya bingkas setiap pelajar CPASS dapat dilihat pada hasil kerja mereka mereka bentuk gerai, mengurus sumber-sumber, malahan juga menjual permainan dan produk mereka. Hari Permainan pastinya adalah satu acara utama di mana pelajar CPASS dapat memamerkan bakat mereka dengan bangga.



Pelajar mencuba permainan mereka untuk Projek Hari Permainan



Menguruskan gerai di Projek Hari Permainan

SEKOLAH YANG TIDAK MEMBATASKAN KESERONOKAN DAN BERMAIN



Tangga Sensonik dengan pelbagai bahan gantung untuk pelajar terokai

Bilik Sensonik, Bilik Permainan Lembut, Perpustakaan Mainan dan kolam renang yang dihangatkan hanyalah beberapa kemudahan unik di CPASS yang membantu pelajar menjadi lebih tangkas secara fizikal dan mampu hidup secara berdikari.

Melalui aktiviti bermain dan yang menyeronokkan, guru dapat menyediakan pelbagai jenis rangsangan deria kepada pelajar untuk membantu mereka menggunakan pelbagai peralatan dan barang harian yang kita gunakan dalam kehidupan.

Kolam bola untuk pelajar



Pakar fisioterapi dan jurulatih renang menggunakan kolam renang yang dihangatkan untuk aktiviti pelajar di CPASS



SEKOLAH PERSEKUTUAN PALSI SEREBRAL SINGAPURA

Mary Low

Mary Low merupakan lulusan CPASS pada tahun 1999 (apabila ia dikenali sebagai Persatuan Kanak-kanak Spastik). Hari ini, dia adalah seorang ahli perniagaan wanita yang peramah dan membantu orang lain dengan menjual hasil kraftangan mereka dan memperjuangkan usaha mereka.

Semasa di CPASS, beliau lulus dengan Sijil Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah dan telah dinaikkan ke sekolah menengah. Kehidupan di sekolah menengah mencabar dan meletihkan secara fizikal kerana rentaknya bergerak pantas. Namun, meskipun beliau menghadapi cabaran, beliau menamatkan persekolahan dengan sijil GCE peringkat 'N' pada tahun 2003.

Pada hari ini, Mary merupakan seorang usahawan sosial yang menjual kraftangan dan barangannya sendiri yang dihasilkan oleh golongan kurang berasib baik. Kezamannya agar diberikan peluang yang sama rata dalam masyarakat telah mendorongnya dalam perniagaannya sejak sembilan tahun yang lalu. beliau berkata, "Saya percaya bahawa kita bertanggunjawab ke atas kehidupan kita sendiri dan kita boleh berjaya seperti orang biasa.



SEPINTAS LALU

Nama Sekolah	Sekolah Persekutuan Palsi Serebral Singapura
Laman web Sekolah	www.cpas.org.sg
Alamat	65 Pasir Ris Drive 1, Singapura 519529
Stesen MRT Terdekat	MRT Pasir Ris
Perkhidmatan Bas Berdekatan	Bas No.: 39, 53, 81, 89, 109, 518, 518A

Misi	Untuk melengkapkan para pelajar kami dengan pendidikan yang holistik untuk hidup secara bermakna, belajar secara berterusan, bekerja secara produktif	
Visi	Sebuah komuniti pelajar yang gembira dalam Kehidupan, Pembelajaran, Pekerjaan	
Nilai-nilai	Keyakinan; Rasa Hormat; Berdaya Tahan; Integriti	
Kegiatan Kokurikulum (CCA) yang ditawarkan	<p><u>CCA Tertumpu Sekolah</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Boccia • Seni Istimewa • Pengakap • Berenang • Seni Persembahan • Balapan dan Padang 	<p><u>CCA Biasa Sekolah</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelab Loceng Meja dan Genderang • Kelab IT • Kelab Muzik dan Pergerakan • Kelab Rangsangan Deria • Kelab Permainan Air
Program Utama	<ul style="list-style-type: none"> • <u>Program Penglibatan Masyarakat (CIP)</u>, sebahagian penting kurikulum sekolah, bertujuan untuk membina perpaduan sosial dan tanggungjawab sivik. • <u>Program Perjalanan Pembelajaran (LJ)</u> bertujuan untuk menyemai dalam diri pelajar, rasa bangga dengan pencapaian Singapura, membina keyakinan diri mereka, dan memupuk rasa kebersamaan kepada Singapura. • <u>Program Kerjasama Satelit</u> dengan Maktab Rendah Meridian (MJC) untuk mencapai objektif yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Untuk meningkatkan interaksi dan persefahaman antara pelajar MJC dan CPASS. • Untuk memupuk nilai-nilai keyakinan, integriti, rasa hormat dan daya tahan di kalangan pelajar CPASS. • <u>Program Pembangunan Kepimpinan Pelajar</u> menyediakan peluang kepada para pelajar untuk membangunkan kepimpinan di dalam kelas. 	

Jadual Sekolah SPED

Sehingga bulan Januari 2018, terdapat 19 buah sekolah SPED yang dibiayai pemerintah yang dikendalikan oleh 12 Pertubuhan Khidmat Sosial (SSO). Sekolah-sekolah SPED ini menjalankan program yang menepati profil kanak-kanan kekurangan upaya yang nyata yang memerlukan pendidikan khas. Anda boleh merujuk kepada jadual di bawah untuk senarai sekolah.

Kumpulan Kurang Upaya	Kumpulan Usia	Sekolah	Pertubuhan Khidmat Sosial (SSO)	Laman Web Sekolah	Alamat	Maklumat untuk Dihubungi
Hilang Pendengaran	7 - 14 tahun	Sekolah Canossian	Anak-anak Perempuan Amal Canossian	canossian.edu.sg	1 Sallim Road Singapura 387621	Tel: (65) 6749 8971 Fax: (65) 6749 8976 admin@canossian.edu.sg
Visual Impairment; Autism Spectrum Disorder; Hearing Loss	7 - 18 tahun	Sekolah Lighthouse	Persatuan Cacat Penglihatan Singapura (SAVH)	lighthouse.edu.sg	51 Toa Payoh Rise Singapura 298106	Tel: (65) 6250 3755 Fax: (65) 6250 5348 lighthouse@lighthouse.edu.sg
Kurang Upaya Intelek Ringan (termasuk pelajar dengan Gangguan Spektrum Autisme)	7 - 12 tahun	Sekolah Chaoyang	Persatuan Golongan Keperluan Khas (APSN)	apsn.org.sg/schools/chaoyangschool	10 Ang Mo Kio Street 54 Singapura 569184	Tel: (65) 6456 6922 Fax: (65) 6456 2030 cys@apsn.org.sg
	17 - 21 tahun	Sekolah Delta Senior		apsn.org.sg/schools/delta-senior-school/	3 Choa Chu Kang Grove Singapura 688237	Tel: (65) 6276 3818 Fax: (65) 6276 5608 dss@apsn.org.sg
	7 - 16 tahun	Sekolah Katong		apsn.org.sg/schools/katong-school/	900 New Upper Changi Road Singapura 467354	Tel: (65) 6445 8027 Fax: (65) 6445 6313 ks@apsn.org.sg
	13 - 16 tahun	Sekolah Tanglin		apsn.org.sg/schools/tanglin-school/	143 Alexandra Road Singapura 159924	Tel: (65) 6475 1511 Fax: (65) 6472 0408 ts@apsn.org.sg
	7 - 18 tahun	Sekolah Grace Orchard	Khidmat Masyarakat Presbyterian	go.edu.sg	6A Jurong West Street 52 Singapura 649297	Tel: (65) 6561 9128 Fax: (65) 6561 4133 info@go.edu.sg
	7 - 18/21 tahun	Sekolah Metta	Persatuan Kebajikan Metta	mettaschool.edu.sg	30 Simei Street 1 Singapura 529949	Tel: (65) 6788 5800 Fax: (65) 6788 5507 enquiry@mettaschool.edu.sg
Kurang Upaya Intelek Sederhana hingga Teruk (termasuk pelajar dengan Gangguan Spektrum Autisme)	7 - 18 tahun	Sekolah MINDS - Fernvale Gardens	Persatuan Golongan Kurang Daya Intelek Singapura (MINDS)	minds.org.sg/FGS	7 Fernvale Road Singapura 797635	Tel: (65) 6481 6697 Fax: (65) 6483 2631 fgs@minds.org.sg
		Sekolah MINDS - Lee Kong Chian Gardens		minds.org.sg/LGS	802 Margaret Drive Singapura 149311	Tel: (65) 6473 8332 Fax: (65) 6473 4776 lgs@minds.org.sg
		Sekolah MINDS - Towner Gardens		minds.org.sg/TGS	1B Lengkong Lima Singapura 417557	Tel: (65) 6446 2612 Fax: (65) 6243 7498 tgs@minds.org.sg
		Sekolah MINDS - Woodlands Gardens		minds.org.sg/WGS	30 Woodlands Ring Road #01-01 Singapura 737883	Tel: (65) 6468 0566 Fax: (65) 6468 2142 wgs@minds.org.sg

Kumpulan Kurang Upaya	Kumpulan Usia	Sekolah	Pertubuhan Khidmat Sosial (SSO)	Laman Web Sekolah	Alamat	Maklumat untuk Dihubungi
Gangguan Spektrum Autisme	7 - 18 tahun	Sekolah Eden	Persatuan Autisme (Singapura)	edenschool.org.sg	101 Bukit Batok West Avenue 3 Singapura 659168	Tel: (65) 6265 7400 Fax: (65) 6265 9400 enquiry@edenschool.edu.sg
	7 - 18/21 tahun	Sekolah Pathlight	Pusat Sumber Autisme (Singapura)	pathlight.org.sg	Campus 1 5 Ang Mo Kio Ave 10 Singapura 569739 Campus 2 6 Ang Mo Kio Street 44 Singapura 569253	Tel: (65) 6459 9951 Fax: (65) 6459 3397 queries@pathlight.org.sg Tel: (65) 6459 9951 Fax: (65) 6459 3397
	7 - 18 tahun	Sekolah St Andrew's Autism	Hospital Saint Andrew's Mission (SAMH)	saac.org.sg	1 Elliott Road Singapura 458686	Tel: (65) 6517 3800 Fax: (65) 6517 3801 enquiry@saac.org.sg
Kurang Upaya Pelbagai dan Gangguan Spektrum Autisme	7 - 18 tahun	Sekolah AWWA	Persatuan Kebajikan Wanita Asia (AWWA)	awwa.org.sg	11 Lorong Napiri Singapura 547532	Tel: (65) 6511 5280 Fax: (65) 6511 5281 awwaschool@awwa.org.sg
		Sekolah Rainbow Centre - Margaret Drive	Pusat Rainbow	rainbowcentre.org.sg	501 Margaret Drive Singapura 149306	Tel: (65) 6472 7077 Fax: (65) 6475 9739 rcmds@rainbowcentre.org.sg
		Sekolah Rainbow Centre - Yishun Park		rainbowcentre.org.sg	15 Yishun Street 61 Singapura 768548	Tel: (65) 6482 2592 Fax: (65) 6482 2593 rcyps@rainbowcentre.org.sg
Kurang Upaya Pelbagai	7 - 18 tahun	Sekolah Cerebral Palsy Alliance Singapore	Persekutuan Palsi Serebral Singapura (CPAS)	cpas.org.sg	65 Pasir Ris Drive 1 Singapura 519529	Tel: (65) 6585 5634 Fax: (65) 6585 5635 cpasschool@cpas.org.sg

Pautan berguna untuk Ibu Bapa

Maklumat untuk Memilih Sekolah yang Sesuai

Memilih Sekolah yang Sesuai

<http://www.moe.gov.sg/docs/default-source/document/education/special-education/files/parents-guide-children-special-educational-needs.pdf>

Pendidikan Khas di Singapura

<http://www.moe.gov.sg/education/special-education/>

Permohonan untuk ke Sekolah SPED

<https://www.moe.gov.sg/education/special-education/how-do-i-apply-for-a-place-in-the-school-for-my-child#Application-to-SPED-Schools>

Khidmat Maklumat Sekolah

<http://app.sis.moe.gov.sg>

Permohonan untuk ke Sekolah Aliran Utama

<http://www.moe.gov.sg/admissions/primary-one-registration>

Maklumat tentang Pendidikan Wajib dan Penangguhan

Pendidikan Wajib dan Penangguhan

<http://www.moe.gov.sg/education/education-system/compulsory-education/>

Maklumat tentang Peruntukan Sokongan yang Disediakan

Skim Subsidi Pengangkutan Pertubuhan Kebajikan Sukarela (VWO)

Skim ini memberikan sokongan kepada orang kurang upaya yang perlu mengambil pengangkutan khusus untuk ke sekolah dan perkhidmatan penjagaan.

<https://www.sgenable.sg/pages/content.aspx?path=/schemes/transport/vwo-transport-subsidies/>

Skim Subsidi Teksi

Skim ini adalah untuk orang kurang upaya kekal yang disahkan secara perubatan sebagai tidak berupaya mengambil pengangkutan awam dan bergantung sepenuhnya pada teksi untuk perjalanan ke sekolah, kerja, atau latihan berkaitan dengan pekerjaan yang disokong oleh SG Enable.

<https://www.sgenable.sg/pages/content.aspx?path=/schemes/transport/taxi-subsidy-scheme/>

Program NEU PC Plus

Program ini menawarkan pelajar dan orang kurang upaya dari keluarga yang berpendapatan rendah berpeluang untuk memiliki komputer baharu pada harga yang dimampui.

<http://www.imda.gov.sg/community/consumer-education/digital-inclusion/neu-pc-plus-programme>

Transit Link

Pelajar akan menikmati tambang pelajar dan mempunyai pilihan untuk membeli Pas Konsesi Bulanan yang tersedia di mana-mana Pejabat Tiket TransitLink dan Mesin Tambah Nilai.

<https://www.transitlink.com.sg>

Pautan Berguna Lain

Schoolbag: Tapak Berita Pendidikan

<http://www.schoolbag.sg/>

Dana Teknologi Bantuan (ATF)

ATF menyediakan subsidi untuk orang kurang upaya membeli alat teknologi bantuan untuk membolehkan kehidupan yang berdikari.

<https://www.sgenable.sg/pages/content.aspx?path=/schemes/equipment-technology-home-retrofit/assistive-technology-fund/>

Penghargaan

Penghargaan ikhlas kami disampaikan kepada 19 sekolah SPED atas sumbangan mereka dalam penerbitan buku kecil ini.

Terima kasih juga kepada pelajar-pelajar berikut yang telah menyumbangkan karya lukisan mereka untuk kulit buku kecil ini




We Share the Earth oleh Maximus Lee How Zer dan Pavanvishwa Arumugam
Sekolah MINDS - Woodlands Gardens
Kertas Berwarna Kitar Semula

Four Seasons oleh Noah Tan Kai
Sekolah Pusat Rainbow – Margaret Drive
Cat Akrilik



I Love Yellow Flowers! oleh Bryan Poon
Sekolah Autisme St Andrew's
Cat Air

Hues of Love oleh Siti Nurhazimah Binte Hamzah
Sekolah Tanglin
Cat Air



“Kita perlu memberikan tumpuan kepada perkara yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak bukan perkara yang tidak dapat dilakukannya.

– Temple Grandin





Ministry of Education
SINGAPORE